

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SPIES

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak diperkenalkan dari tahun 2008, siapakah contoh atau tokoh SPIES yang telah berjaya dilahirkan dengan memiliki pencapaian yang luar biasa?
- b) Apakah penambahbaikan struktur modul yang dilakukan sesuai dengan keperluan Generasi Z?
- c) Berapakah kos keseluruhan bagi melaksanakan Program SPIES?

JAWAPAN:

- a) Program SPIES adalah program pengupayaan atau membudayakan insan (*empowering*) tidak bertujuan untuk melahirkan seorang tokoh tetapi menekankan kepada pembentukan masyarakat madaniah yang bersivil dan beradab melalui proses pembentukan karakter dan potensi melalui elemen Spiritual, *Physical*, Intelek, Emosi dan Sosial.

Hasil daripada pelaksanaan Program SPIES sehingga tahun 2014 juga telah melahirkan kumpulan Briged Amal Negeri Selangor yang merupakan satu produk Alumni SPIES dan contoh kepada keberkesanan pelaksanaan Program SPIES. Oleh itu, dengan berkonsepkan Generasi Cakna Rakyat kumpulan Briged Amal ini diterapkan dengan elemen-elemen kepedulian sosial yang mampu memainkan peranan penting dalam setiap aktiviti masyarakat di Negeri Selangor.

- b) Susulan daripada elemen yang diterapkan dalam program SPIES, konsep dan kandungan Program INSAN telah dibuat penambahbaikan dari segi struktur modul yang lebih fokus dan kontemporari dengan menekankan model *Integrated Holistik Education System* (IHES) merangkumi modul untuk semua Generasi termasuk Gen Z bertujuan untuk melahirkan Rakyat Selangor dengan karakter Idaman menggunakan 23 potensi INSAN. 9 kluster sasaran termasuk Gen Z bermula Pelajar Sekolah Rendah, Menengah, Pelajar IPT serta golongan Belia telah terlibat dalam program INSAN ini.

Berdasarkan konsep dan matlamat pelaksanaan Program INSAN jelas menunjukkan program ini bertujuan untuk memastikan kemenjadian insan yang mempunyai jatidiri, mempunyai kemahiran, pegetahuan dan pengalaman

yang dapat menjadikan kehidupan yang seimbang dan secara tidak langsung dapat mengawal diri mereka sendiri.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan dalam anggaran **RM42.7 juta** untuk tempoh 7 tahun bermula tahun 2008 sehingga 2014 untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program SPIES dan program pembangunan modal insan yang meliputi keperluan bagi merancang dan melaksanakan program seperti karnival kerjaya (*Selangor Job Fair*) dan program pembangunan modal insan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : UNISEL

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri masih bercadang untuk memberi pendidikan percuma kepada penuntut UNISEL?
- b) Apakah mekanisme yang digunakan oleh UNISEL untuk menjana pendapatan sendiri agar tidak bergantung sepenuhnya kepada dana Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini UNISEL memang memberi pendidikan percuma melalui Skim Dermasiswa UNISEL untuk Pengajian Tahun Asas sahaja.
- b) Mekanisme yang digunakan oleh UNISEL untuk menjana pendapatan sendiri agar tidak bergantung sepenuhnya kepada dana Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-
 - 1. Pelan Pemasaran yang komprehensif untuk menambah bilangan pelajar.
 - 2. Sasaran 12 ribu pelajar
 - 3. OPEX sepenuhnya oleh UNISEL.
 - 4. Mendapat geran penyelidikan dari MOSTE .
 - 5. Memanfaatkan kepakaran yang dimiliki oleh staf akademik UNISEL kepada Kerajaan Negeri melalui exco-exco berkaitan.
 - 6. Mengadakan perhubungan dengan agensi-agensi luar bagi mendapat penajaan percuma untuk program-program seperti Hari Terbuka UNISEL dan Program Soul Station oleh Astro Oasis.
 - 7. Menjana pendapatan melalui aset seperti sewaan rumah kedai dan rumah-rumah di Kota Puteri;
 - 8. Sewaan apartmen pelajar dan fasiliti Universiti kepada orang luar.
 - 9. Tasik diperindah untuk disewakan bagi aktiviti riadah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK (RUMAH SELANGORKU)

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan projek, jumlah unit dan jenis Rumah Selangorku yang siap dibina, sedang dibina dan akan dibina sehingga kini.
- b) Nyatakan jumlah pembeli yang telah menduduki Rumah Selangorku mengikut PBT.
- c) Nyatakan jumlah pemohon yang masih menunggu Rumah Selangorku mengikut PBT.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN PKNS

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dan jenis perumahan yang siap dibina, sedang dibina dan akan dibina oleh PKNS dari 2008-2017 mengikut PBT.
- b) Nyatakan harga tertinggi dan harga terendah rumah yang dibina PKNS.
- c) Nyatakan bilangan projek dan jumlah unit Rumah Selangorku yang dibina PKNS.

JAWAPAN:

- a) Rujuk Lampiran 1.
- b) Rujuk Lampiran 2.
- c) Rujuk Lampiran 3.

Lampiran 1

Senarai rumah yang telah siap dibina oleh PKNS daripada tahun 2008 hingga 2017 mengikut kawasan PBT :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Jenis Rumah (Kos)	Bilangan Unit										Jumlah
			2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
1	MBSA	Rendah		586		300		364	60			104	104
		Sederhana		223	22	511		160		34	19		1,310
		Tinggi											969
		JUMLAH	-	809	22	811	-	524	60	34	19	-	2,383
2	MBPJ	Rendah	100		192								292
		Sederhana			50			12					62
		Tinggi											
		JUMLAH	100	-	242	-	-	12	-	-	-	-	354
3	MPKj	Rendah					124						124
		Sederhana					112						112
		Tinggi	178	62						43			283
		JUMLAH	178	62	-	-	-	236	-	43	-	-	519
4	MPSepang	Rendah											
		Sederhana											
		Tinggi	84							356			440
		JUMLAH	84	-	-	-	-	-	-	356	-	-	440
5	MPSelayang	Rendah	266	185	180		704	1422	81			198	1,800
		Sederhana			314			20					1,662
		Tinggi						25		54			79

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Jenis Rumah (Kos)	Bilangan Unit										Jumlah
			2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
		JUMLAH	266	185	494	-	704	1,467	81	54	92	-	3,541
6	MDHS	Rendah	107										
		Sederhana	66		386		149	174	160		200	80	187
		Tinggi						1	76	129			206
		JUMLAH	173	-	386	-	149	174	161	76	329	-	1,528
7	MDKS	Rendah											
		Sederhana			487		75						562
		Tinggi			46								46
		JUMLAH	-	-	533	-	75	-	-	-	-	-	608
JUMLAH KESELURUHAN			801	1,056	1,677	811	928	2,413	302	563	440	382	9,373

Senarai Projek dalam Pelaksanaan Tahun 2017 mengikut kawasan PBT :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Jenis Rumah	Kawasan	Bilangan (Unit)
1	MBSA	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Seksyen 17, Shah Alam	10
2	MPKj	Apartment	Seksyen 7, Bandar Baru Bangi	200
3	MPSepang	Pangsapuri Servis	Seksyen 6, Selangor Cyber Valley	236
		Rumah Teres	Seksyen 5, Selangor Cyber Valley	300
4	MPSelayang	Rumah Link 2 Tingkat	Seksyen 2, Kota Puteri	42
		Rumah Link 2 Tingkat	Seksyen 8, Kota Puteri	338
		Rumah Link dan Rumah Link 2 Tingkat	Seksyen 8, Kota Puteri	48
5	MDHS	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Bernam Jaya	102
		Rumah Link 2 Tingkat	Bernam Jaya	157
		Rumah Berkembar 2 Tingkat	Seksyen 2A, Antara Gapi	96
6	MDKS	Rumah Link	Kuala Selangor	104
JUMLAH KESELURUHAN				1,633

Senarai Projek Mula Bina Tahun 2017 mengikut kawasan PBT :

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Jenis Rumah	Kawasan	Bilangan (Unit)
1	MPK	Rumah Link 2 Tingkat	Bandar Sultan Sulaiman	163
2	MPSepang	Rumah Sesebuah 3 Tingkat	Seksyen 5, Selangor Cyber Valley	50
		Rumah Berkembar 3 Tingkat	Seksyen 5, Selangor Cyber Valley	148
		Apartment	Seksyen 6, Selangor Cyber Valley	558
3	MPSelayang	Rumah Link 2 Tingkat	Seksyen 3B, Kota Puteri	101
4	MDHS	Rumah Link 2 Tingkat	Seksyen 5B, Antara Gapi	154
		Rumah Link 2 Tingkat	Laman 1, Bernam Jaya	64
		Rumah Teres 2 Tingkat	Laman 1A, Bernam Jaya	299
JUMLAH KESELURUHAN				1,537

Lampiran 2

Harga Rumah Tertinggi dan Terendah yang dibina oleh PKNS dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti berikut :

i. **Harga tertinggi** :

- a) Harga Jualan : RM4,550,000.00
- b) Nama Projek : 9 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat dan 10 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat di Precint 12 (Fasa 1), Seksyen U13, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

ii. **Harga Terendah** :

- a) Harga Jualan : RM42,000.00
- b) Nama Projek : 180 Unit Pangsapuri Kos Rendah 5 Tingkat di atas Lot 1019 dan 1022, Kuang, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

Lampiran 3

Berikut merupakan senarai projek Rumah Selangorku yang dibina oleh PKNS:

(i) **Senarai Projek Rumah Mampu Milik Yang Telah Siap Dibina Oleh PKNS & Kumpulan**

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit
1.	Hulu Selangor	Bandar Baru Bangi	Pangsapuri (Damai Residensi)	124
2.	Gombak	Bukit Botak	Rumah Berkembar	1,422
3.	Gombak	Kota Puteri	Rumah Bandar 2 Tingkat	198
4.	Hulu Selangor	Antara Gapi	Rumah Teres 1 ½ Tingkat	129
5.	Hulu Selangor	Antara Gapi	Rumah Teres 2 Tingkat	80
6.	Petaling	U12, Desa Alam	Pangsapuri	104
Jumlah				2,057

(ii) **Senarai Projek Rumah Mampu Milik Dalam Pembinaan Oleh PKNS & Kumpulan**

Bil	Daerah	Kawasan	Jenis Rumah	Bil. Unit
1.	Hulu Selangor	Taman Keruing, Rasa	Rumah Teres 2 Tingkat	66
2.	Selangor	Selangor Cyber Valley	Pangsapuri	864
3.	Klang	Kg. Jawa	Rumah Bandar 4 Tingkat (Karya Residensi)	84
Jumlah				1,014

(iii) Senarai Projek Rumah Mampu Milik Dalam Perancangan Bagi Tahun 2018 Sehingga Tahun 2020 Oleh PKNS & Kumpulan

Tahun	Jenis	Bilangan Unit				Jumlah
		Gombak	Petaling	Sepang	Hulu Selangor	
2018	A	-	-	-	-	3,409
	B	-	-	343	-	
	C	140	424	-	-	
	D	1,690	712	-	100	
2019	A	-	-	440	-	2,749
	B	-	-	-	-	
	C	1,190	110	609	400	
	D	-	-	-	-	
2020	A	353	219	-	9,226	3,068
	B	460	110	-	527	
	C	-	-	-	481	
	D	-	-	-	418	
Jumlah						9,226

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini Bas Smart Selangor mengikut PBT.
- b) Berapakan jumlah kos pembelian dan penyelenggaraan bas dari tahun 2014-2017?
- c) Nyatakan jumlah pengguna Bas Smart Selangor dari 2014-2017 mengikut PBT.

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 dengan sebelas (11) buah bas di tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) kini telah berjaya diperluaskan ke sebelas kawasan PBT yang lain di Negeri Selangor, kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai perkhidmatan bas percuma dikenali PJCitybus. Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan, Bas Smart Selangor kini mempunyai 30 laluan dengan 100 buah bas. Jumlah Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bil.	PBT	JUMLAH LALUAN	JUMLAH BAS
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	5	22
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4	16
3.	Majlis Perbandaran Klang	2	8
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	3	11
5.	Majlis Perbandaran Kajang	3	8
6.	Majlis Perbandaran Selayang	2	10
7.	Majlis Perbandaran Sepang	3	10

Bil.	PBT	JUMLAH LALUAN	JUMLAH BAS
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	2	4
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2	4
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	3
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2	4
JUMLAH		30	100

Manakala bagi PJ City Bus yang juga secara percuma dan dibiayai sepenuhnya oleh MBPJ, sebanyak 4 laluan disediakan dengan jumlah bas sebanyak 24 buah bas seperti berikut:

LALUAN	BILANGAN BAS
PJ01	10
PJ02	4
PJ03	4
PJ04	4
JUMLAH	22

- b) Kos bagi pelaksanaan Bas Smart Selangor sejak tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak **RM43 juta**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengurus serta memantau perkhidmatan Bas Smart Selangor yang dikendalikan oleh syarikat operator perkhidmatan bas yang dilantik, manakala sebanyak RM9 juta adalah daripada peruntukan PBT sendiri. Kos yang ditanggung sebanyak RM800.00 sehari bagi sebuah bas merupakan kos penyewaan yang merangkumi kos pengurusan dan penyelenggaraan bas. Oleh itu, tiada kos pembelian bas oleh Kerajaan Negeri manakala kos penyelenggaraan adalah termasuk di dalam kos penyewaan yang menjadi tanggungjawab sepenuhnya syarikat operator bas yang dilantik.
- c) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 hingga 30 September 2017, penumpang Bas Smart Selangor di 30 laluan telah mencapai 11 juta orang. Jumlah penumpang Bas Smart Selangor mengikut tahun pelaksanaan adalah seperti berikut:
- i. Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) : 546,661 penumpang

- ii. Tahun 2016 : 4,163,654 penumpang
- iii. Tahun 2017 (sehingga 30 September 2017) : 7,120,722 penumpang

Butiran penumpang mengikut PBT adalah seperti di berikut:

Bil.	PBT	Jumlah Penumpang
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2,766,305
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,337,483
3.	Majlis Perbandaran Klang	1,457,198
4.	Majlis Perbandaran Ampang jaya	936,827
5.	Majlis Perbandaran Kajang	1,617,110
6.	Majlis Perbandaran Selayang	1,473,947
7.	Majlis Perbandaran Sepang	357,625
8.	Majlis Daerah Kuala Langat	355,108
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	158,956
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	137,330
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	233,148
JUMLAH		11,831,037

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BAYARAN SEWA PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penduduk yang membayar kadar sewa RM124.00 dan RM250.00 mengikut PBT di Negeri Selangor.
- b) Berapakah jumlah kutipan sewa PPR yang telah dikutip dan tertunggak dari tahun 2010-2017 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penduduk PPR (kemaskini September 2017) yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang ditetapkan adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Kadar Sewa			Jumlah penyewa	Jumlah Unit
		RM124.00	RM200.00	RM250.00		
1.	PPR Kg. Baru Hicom (PHSSB)	-	-	942	942	980
2.	PPR Kota Damansara (PHSSB)	316	-	892	1145	1152
3.	PPR Seri Kiambang (PHSSB)	44	81	4	123	300
4.	PPR Lembah Subang 1 (MBPJ)	2,240	-	457	2,697	3,004

- b) Jumlah kutipan sewa dan jumlah tertunggak bagi PPR yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Tempoh Kutipan	Jumlah Kutipan (RM)	Jumlah Tunggakan (RM)
1.	PPR Kg. Baru Hicom (PHSSB)	Jan 2012 - Sept 2017	11,195,99.30	RM346,566.00 (termasuk tunggakan LPHS)
2.	PPR Kota Damansara (PHSSB)	Mei 2013 – Sept 2017	10,421,549.20	RM1,785,622.00 (termasuk tunggakan MBPJ)
3.	PPR Seri Kiambang (PHSSB)	Mac 2015 - Sept 2017	254,636.00	RM3,208.00 (tidak termasuk tunggakan LPHS)
4.	PPR Lembah Subang 1 (MBPJ)	Tahun 2011 - Sept 2017	15,342,828.25	RM14,493,076.55

Bagi tempoh sebelum seperti yang dinyatakan di atas, ianya adalah di bawah pengurusan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) LEMBAH SUBANG 1

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pengurusan penyelenggaraan PPR Lembah Subang 1.
- b) Nyatakan jumlah perbincangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bersama Kementerian Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : USUL DALAM SIDANG DUN

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tajuk, sidang keberapa, pencadang dan keputusan semua usul yang pernah dibawa ke dalam dewan yang mulia dari 2008-2017.
- b) Nyatakan status semua usul-usul yang dipersetujui dalam dewan dari 2008-2017.

JAWAPAN:

- a) Maklum balas seperti di lampiran mengikut tahun (dari 2008 hingga 2017).
- b) Status usul-usul yang dibentangkan semasa Persidangan Dewan adalah seperti di lampiran A. Status pelaksanaan Enakmen adalah di bawah bidang kuasa pihak Jabatan yang bertanggungjawab.

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2008

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Enakmen Perbekalan Tambahan (2007) 2008	Dipersetujui: 26 Mei 2008
2	Enakmen Perbekalan (2009)	Dipersetujui: 28 Oktober 2008
3	Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2008	Dipersetujui: 28 Oktober 2008
4	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.1) 2008	Dipersetujui: 28 Oktober 2008
5	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2008	Dipersetujui: 28 Oktober 2008
6	Enakmen Penghinaan Dewan 2008	Dipersetujui: 28 Oktober 2008

USUL-USUL YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

BAGI TAHUN 2008

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Kerajaan	Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2007	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Kerajaan	Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Selangor “ Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 68 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Selangor”	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Kerajaan	Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor “ Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 69 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan”	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Kerajaan	Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Undangan Negeri Selangor “ Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 70 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ”	Dipersetujui: 26 Mei 2008

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
	Kerajaan	<p>Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-SELCAT) bagi Dewan Undangan Negeri Selangor</p> <p>“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-SELCAT) dengan izin. Jawatankuasa SELCAT adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya, dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan”.</p>	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Y.B. ADN Kampung Tunku	“Bahawa Dewan ini menetap untuk mengkritik penahanan Y.B. Tuan M.Manoharan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kota Alam Shah serta pemimpin-pemimpin Hindraf dan aktivis-aktivis sosial yang lain tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menyeru Kementerian Dalam Negeri membebaskan tahanan-tahanan ini”.	Dipersetujui: 26 Mei 2008
	Kerajaan	Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2009	Dipersetujui: 28 Oktober 2008
	Kerajaan	Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2008	Dipersetujui: 28 Oktober 2008

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
	Kerajaan	Usul Dasar Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2025	Dipersetujui: 29 Oktober 2008
	Kerajaan	<p>Usul Pindaan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor</p> <p>“Bahawasanya mengikut perenggan (2) Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor seperti draf Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2008”</p>	Dipersetujui: 29 Oktober 2008
	Y.B. ADN Kampung Tunku	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri mengambil langkah memulihkan pilihan raya untuk semua kerajaan tempatan di Negeri Selangor”	Dipersetujui: 29 Oktober 2008
	Y.B. ADN Sekinchan	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini,</p> <p>Mengutuk dengan sekeras-kerasnya kelakuan Yang Berhormat Sungai Panjang yang membuat kenyataan palsu dan berunsur fitnah terhadap Yang Berhormat Kinrara, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor kononnya beliau mengetuai bantahan terhadap suara azan masjid di Puchong dan Kota Damansara;</p> <p>Mengutuk dengan sekeras-kerasnya perbuatan keji akhbar Utusan Malaysia yang menyiarkan berita-berita palsu, penulisan-penulisan berunsur ganas dan perkauman terhadap Yang Berhormat Kinrara, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri , pada 10.9.2008, 12.10.2008 dan 17.10.2008;</p> <p>Menyeru semua pihak menghayati semangat perpaduan dan muhibah yang selama ini dijunjung oleh semua rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan menjauhkan diri daripada perbuatan yang boleh memudaratkan kestabilan masyarakat”</p>	Dipersetujui: 29 Oktober 2008

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2009

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Enakmen Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor 2009	Dipersetujui: 16 .03.2009
2	Enakmen Undang-Undang Pembekalan Tambahan (No. 1) 2009	Dipersetujui: 14.07.2009
3	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2009	Dipersetujui: 09.11.2009
4	Enakmen Pembekalan (2010) 2009	Dipersetujui: 16.11.2009
5	Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2009	Dipersetujui: 16.11.2009
6	Enakmen Selangor King George V Silver Jubilee (Pindaan) 2009	Dipersetujui: 16.11.2009

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWAKE DEWAN NEGERI SELANGOR

BAGI TAHUN 2009

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	
	Y.B. ADN Kampung Tunku	Usul Peraturan Tetap 17 bagi Menangguhkan Mesyuarat Perkara Tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai Yang Berkehendak Disegerakan.	Usul dibacakan pada 13 Mac 2009, dibahaskan tetapi tidak perlu dipersetujukan
	Y.B. ADN Taman Medan	Usul Menerima Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor “ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata laporan Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2009 diterima pakai.”	Dipersetujui: 16 Mac 2009
1	Y.B. ADN Seri Andalas	“Bahawa Dewan ini menetap untuk mengiktiraf kebebasan Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk membuat sumbangan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial kepada mana-mana pihak yang difikirkan sesuai oleh mereka selari dengan undang-undang dan dasar-dasar mereka.”	Dipersetujui: 16 Mac 2009
2	Y.B. ADN Meru	“ Bahawa Dewan ini menggesa agar Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menyasat semua pertuduhan-pertuduhan rasuah dan salah guna kuasa secara serius dan bebas berdasarkan merit bagi memenuhi tanggungjawab mereka tanpa memilih kes-kes tertentu semata-mata.”	Dipersetujui: 16 Mac 2009

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
3	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Pusat supaya akur dan utamakan hak serta kepentingan rakyat Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam rundingan pembelian balik pengurusan air daripada syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga S/B, SPLASH dan Konsortium ABBAS S/B serta SYABAS S/B.	Dipersetujui: 17 Mac 2009
4	Y.B. ADN Subang Jaya	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi keadaan ekonomi yang semakin merosot demi kepentingan rakyat. “	Dipersetujui: 17 Mac 2009
	Kerajaan	Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2009.	Dipersetujui: 14 Julai 2009
5	Y.B. ADN Sekinchan	Usul menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) “ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Penyata laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (SELCAT) yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bi. 18 Tahun 2009 diterima pakai.”	Dipersetujui: 15 Julai 2009
6	Y.B. ADN Kampung Tunku	Usul menerima Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor “ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2010 diterima”	Dipersetujui: 15 Julai 2009

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
7	Y.B. ADN Rawang	<p>Usul Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT)</p> <p>“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini.</p> <p>Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPK-PADAT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah dalam Negeri Selangor.”</p>	Dipersetujui: 15 Julai 2009
8	Y.B. ADN Bukit Lanjan	<p>Usul Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT)</p> <p>“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini.</p> <p>Jawatankuasa Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPK-PBT) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor.”</p>	Dipersetujui: 15 Julai 2009

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
9	Y.B. ADN Batu Tiga	<p>Usul Perakuan dan Kelulusan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS)</p> <p>“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71(4) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini memberi perakuan dan kelulusan ke atas Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS) yang telah ditubuhkan oleh Tuan Speaker mengikut Peraturan Tetap 71(3) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri pada 6 Mei 2009 sebagaimana yang telah dilaporkan kepada Dewan ini.</p> <p>Jawatankuasa Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JPK-ABAS) adalah untuk memantau selia segala urusan pentadbiran agensi, badan berkanun dan anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor.”</p>	Dipersetujui: 15 Julai 2009
10	Y.B. ADN Kampung Tunku	<p>“ Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat secara menyeluruh skandal RM12.5 bilion Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang bermula dengan penjualan tanah yang diberi Kerajaan Selangor kepada koperasi Pembangunan Pulau Lumut Berhad pada tahun 1990-an.”</p>	Dipersetujui: 15 Julai 2009
11	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menetapkan untuk menegur tindakan Polis yang bertindak menyalahi peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang hak kebebasan rakyat untuk berhimpun secara aman. Tindakan Polis menghalang dan menahan beberapa orang wakil rakyat dan orang ramai yang berhimpun secara aman adalah satu pencabulan hak asasi manusia. Dewan menyeru pihak Polis agar menumpukan tugas dalam menjaga keselamatan rakyat dan bersungguh-sungguh menangani jenayah dan tidak tunduk kepada tekanan politik dan arahan mana-mana pemimpin Barisan Nasional dalam menjalankan tugas mereka.”</p>	Dipersetujui: 15 Julai 2009

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
12	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan, mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan semua jabatan Kerajaan Pusat di Negeri Selangor yang tidak memasang potret Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar Selangor iaitu Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato’ Khalis bin Ibrahim dan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap perbuatan tersebut yang bercanggah dengan keputusan rakyat dan sama sekali tidak menghormati Duli Yang Maha Mulai Sultan Selangor kerana Yang Amat Berhormat Dato’ Menteri Besar adalah dilantik oleh Tuanku. “	Dipersetujui: 15 Julai 2009
13	Kerajaan	Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2010	Dipersetujui: 16 November 2009
14	Y.B. ADN Ijok	“ Bahawa Dewan yang mulia ini memutuskan Y.B. Tuan Mohamed Satim bin Diman hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini kerana kenyataan beliau di dewan ini pada 11 November 2009 iaitu :- Bajet 2010 hendaklah dikemukakan adalah dalam keadaan rakyat keseluruhannya sangsi dengan kebolehan Y.A.B. Dato’ Menteri Besar. Ini bertolak dengan kegagalan membayar kemudahan pinjaman Islam berjumlah RM 66.6 juta USD 18.5 juta yang dibuat pada tahun 1998 bagi tujuan pembelian saham Kumpulan Guthrie Berhad. Ini adalah pembelian opsyen RM200 juta saham atau 20% daripada Kumpulan Guthrie. Ini membuktikan Y.A.B. Dato’ Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangan sendiri..”	Dipersetujui: 17 November 2009
15	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kerajaan Persekutuan agar segera menubuhkan satu Suruhanjaya DiRaja yang bebas untuk menyiasat punca sebenar kematian mendiang Teoh Beng Hock selaku mantan Setiausaha Politik Exco Kerajaan Negeri Selangor.”	Dipersetujui: 17 November 2009

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DILULUSKAN DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2010

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Enakmen Perbekalan Tambahan 2010	Dipersetujui: 14.04.2010
2	Enakmen Pengawalan Penternakan Babi (Pindaan) 2010	Dipersetujui: 12.07.2010
3	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2010	Dipersetujui: 13.07.2010
4	Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010	Dipersetujui:
5	Enakmen Perbekalan (2011) 2010	Dipersetujui: 12.11.2010
5	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3) 2010	Dipersetujui: 12.11.2010
6	Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2010	Dipersetujui: 12.11.2010
7	Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2010	Dipersetujui: 15.11.2010

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWAKE DEWAN NEGERI SELANGOR

BAGI TAHUN 2010

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	
1	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“Bahawa Dewan ini menarik perhatian menurut Warta Kerajaan [P.U.(A)443] terdapat 24 buah Subsidiari Kerajaan Negeri Selangor dan 49 buah Subsidiari Agensi Kerajaan Negeri Selangor. Ini menjadikan terdapat sejumlah 73 buah syarikat subsidiari Kerajaan Negeri Selangor. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Mewujudkan sistem pemantauan yang mantap dan memastikan semua syarikat mematuhi peraturan-peraturan Kerajaan Negeri serta mematuhi Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia; (2) Memastikan setiap syarikat yang membuat keuntungan membayar dividen setiap tahun kepada Kerajaan Negeri; (3) Memastikan syarikat-syarikat yang tidak membayar dividen tahunan kepada Kerajaan Negeri mengemukakan penyata perbelanjaan mereka kepada Dewan yang mulia ini; (4) Memastikan setiap syarikat dipandu dan dibimbing di atas polisi yang pro-rakyat dengan memastikan sekurang-kurangnya seorang Ahli Dewan Negeri dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah; (5) Memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil.9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993; (6) Memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil.10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan Pihak Berkuasa Negeri (MMKN/EXCO); (7) Memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjejaskan keuntungan syarikat; (8) Memastikan seseorang Ketua Eksekutif tidak menjadi Ahli Lembaga Pengarah kepada terlalu banyak syarikat sedangkan peraturan hanya membenarkan 3 syarikat subsidiari sahaja (Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/1985); (9) Memastikan prosedur kerja dan SOP disediakan dan sentiasa dikemas kini; (10) Memastikan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ditubuhkan seperti di PP Bil 9/1993. ” 	Dipersetujui: 14 April 2010

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
2	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa UKRC atau Ulu Klang Recreation Club telah pun diberi kelulusan Tanah Lot 3026 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak mengikut Seksyen 24(i) Kanun Tanah, Bab 138, Tahun 1928 bagi tujuan Kelab/Dewan Komuniti dan Padang Permainan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958 (Rujukan:No.(14) in DOKL 7882)</p> <p>Tapak UKRC merupakan tapak rekreasi bagi maksud Kelab/Dewan Komuniti dan Padang dan bukan tanah kawasan lapang.</p> <p>Namun pada tahun 2004, secara luar biasa pentadbiran kerajaan lalu telah mewartakan tapak rekreasi UKRC sebagai kawasan lapang.</p> <p>Bahawa dengan ini, di atas prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato’ Menteri Besar mengambil hak asal UKRC seperti yang telah diperolehi daripada Pejabat Tanah Kuala Lumpur pada 12hb Julai 1958, dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> (1) Meminda Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 pada baris ketujuh dengan “ bagi maksud Kelab/Dewan Komuniti dan Padang yang akan dikawal oleh UKRC ” selaras dengan kelulusan awal yang telah diberi kepada UKRC oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1958; atau (2) Meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan Lot 3026, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak bagi tujuan Kelab/Dewan Komuniti dan Padang selaras dengan kelulusan yang diperolehi oleh UKRC daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958; dan (3) Membatalkan Warta Kerajaan Negeri Selangor No.2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 dibuat sebaik sahaja kelulusan diberi kepada UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa hadapan di antara Kerajaan Negeri dan UKRC ” 	<p>Dibacakan pada 14 April 2010</p> <p>Peraturan 34(1): Usul ini ditarik balik untuk dikemukakan semula setelah dipinda di Persidangan Dewan yang akan datang</p>

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
3	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani agar segera mengambil perhatian dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyiasat tentang berlakunya penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengagihan kuota subsidi benih padi yang tidak adil dan telus, dan seterusnya menyebabkan kerugian kepada petani dan memperkayakan suku sakat kroni mereka sahaja”.	Dipersetujui: 14 April 2010
4	Kerajaan	Usul Menyerahkan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 kepada Jawatankuasa Pilihan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010 ** Usul di bawah Peraturan Tetap 54	Dipersetujui: 14 Julai 2010
5	Kerajaan	Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2010	Dipersetujui: 15 Julai 2010
6	Kerajaan	Usul Pelantikan Y.B. Dato’ Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan.	Dipersetujui: 15 Julai 2010
7	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya terhadap tindakan Rejim Israel yang melakukan keganasan terhadap kumpulan sukarelawan pelbagai negara yang menghantar misi bantuan kemanusiaan ke Gaza “	Dipersetujui: 15 Julai 2010
8	Y.B. ADN Kg. Tunku	“ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2010 diterima”	Dipersetujui: 15 Julai 2010
9	Y.B. ADN Rawang	Usul di bawah Peraturan Tetap 17(2), Menangguhkan Mesyuarat Bagi Perkara Tertentu Berkepentingan Orang Ramai Yang Berkehendak Disegerakan	Dibacakan pada 9 Nov 2010, dibahasakan tetapi tidak perlu dipersetujukan
10	Kerajaan	Usul Anggaran Peruntukan Pembangunan 2011	Dipersetujui: 15 November 2010

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
11	Kerajaan	<p>Usul Cadangan Pindaan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor</p> <p>** Usul di bawah Peraturan Tetap 69 (2)</p>	<p>Dibacakan pada 15 Nov 2010, tidak perlu dibahaskan dan dipersetujukan</p>
12	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap kecuaiian pengurusan KDEB/KHSB dalam membuat keputusan untuk membangunkan tanah seluas 9.554 ekar milik KDEB/KHSB di HS(D) 18264, PT. No. 32547 Mukim Dengkil Daerah Sepang kepada pihak ketiga dengan hanya menerima bayaran sebanyak RM4,154,849.40 tanpa mengambil kira peruntukan jumlah premium yang akan ditanggung oleh KHSB dan dengan hanya mendapat pulangan sebanyak RM37,026.40 atau RM3,875.81 seekar di tanah berlokasi amat strategik.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri ”.</p>	<p>Dipersetujui: 15 November 2010</p>
13	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap satu perintah mahkamah yang melarang diteruskan operasi kuari di kawasan tanah milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) di Bandar Baru Selayang tetapi kerja-kerja kuari masih aktif dijalankan secara haram.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri ”.</p>	<p>Dipersetujui: 15 November 2010</p>
14	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap manipulasi penjualan sejumlah sembilan (9) unit rumah teres milik SAP Holdings Bhd di Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor dengan mengelaskan penjualan unit-unit tersebut sebagai pembelian pukal dengan harga potongan sebanyak 50.90% yang menyebabkan syarikat kehilangan hasil penjualan sebanyak RM617,000.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri ”.</p>	<p>Dipersetujui: 15 November 2010</p>

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
15	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk mengecilkan operasi dengan menutup beberapa anak syarikat bermasalah dan menamatkan perkhidmatan kakitangan yang sudah lama berkhidmat dalam Kumpulan PKPS. Kesan daripada keputusan ini telah menimbulkan kesulitan besar terhadap kakitangan yang kehilangan pekerjaan.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan laporan lengkap untuk dibentangkan ke Dewan Negeri tentang asas-asas tindakan serta program-program yang dijalankan bagi menjustifikasikan keputusan mengecilkan operasi Kumpulan PKPS ”.</p>	Dipersetujui: 15 November 2010
16	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 ke atas PKNS Infra Berhad mendapati tiga kelemahan melibatkan pemberian elaun tandatangan cek, perancangan strategik yang tidak mendapat pengesahan Lembaga Pengarah dan kerugian anak syarikat Excelon Sdn. Bhd selepas sembilan tahun beroperasi.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mengarahkan amalan memberi elaun tandatangan cek kepada Pengerusi dan Pengarah Syarikat dihentikan serta merta dan penerima elaun tersebut masih memegang jawatan memulangkan kembali seluruh jumlah yang diterima kepada syarikat; 2) Mengarahkan Lembaga Syarikat membuat semakan terhadap perancangan strategik syarikat; 3) Membuat penelitian dan keputusan segera untuk menutup Excelon Sdn Bhd bagi mengurangkan tanggungan dan kerugian syarikat”. 	Dipersetujui: 15 November 2010
17	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap keputusan Kerajaan Negeri menutup operasi Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) dan memindahkan pelajar bagi menamatkan kursus ke INPENS International College yang di segi jangka panjang tidak menguntungkan industri pendidikan di Selangor dan boleh mengabaikan tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri terhadap rakyat.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mempertimbangkan untuk membuka dan meneruskan semula operasi IKYS “</p>	Dipersetujui: 15 November 2010

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
18	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tuntutan pembeli hartanah di Bandar Armada Putra Pulau Indah bagi bayaran wang pampasan kerana pemaju (anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor) lewat menyerahkan rumah.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menubuhkan satu Task-Force dengan peruntukan kewangan yang cukup untuk mengenal pasti pembeli yang membuat tuntutan serta menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh; dan 2) Mewujudkan satu badan bebas di bawah Kerajaan bagi menjalankan penyiasatan dan membentangkan hasil siasatan ke Sidang Dewan Negeri “ 	Dipersetujui: 15 November 2010
19	Y.B. ADN Hulu Kelang	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian terhadap penyelesaian tunggakan bil air Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putra, Pulau Indah, Klang sehingga Mac 2010 berjumlah RM815,000 yang diletakkan ke atas bahu penduduk ditangani segera.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menyarankan kepada SYABAS agar membuat tuntutan bayaran tunggakan bil air daripada Jabatan Insolvency Malaysia selaku pegawai penerima syarikat Brisdale Holdings Berhad (pemaju) bagi tempoh sebelum pemaju digulung dari Januari 2006 hingga Oktober 2008. 2) Mengesyorkan kepada SYABAS jumlah bil yang dikemukakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan jumlah bagi bil yang dilupuskan adalah RM186,425 dan dengan kaedah pelaksanaan yang disyorkan oleh LPHS. 3) Menyarankan agar SYABAS tidak membuat operasi pemotongan bekalan air yang hanya akan merumitkan kehidupan penduduk sehingga syor penyelesaian LPHS dilaksanakan. 4) Membantu menyelesaikan masalah kebocoran sistem paip air dalaman di pangsapuri berkenaan dengan satu jumlah kewangan yang mencukupi bagi mengatasi masalah kebocoran air bagi jangka masa panjang “ 	Dipersetujui: 15 November 2010
20	Y.B. ADN Kampung Tunku	<p>“ Bahawa Dewan yang mulia ini meminta Kerajaan Negeri memperketatkan urus tadbir korporat bagi semua syarikat-syarikat, badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan negeri supaya ianya ditadbir dengan amalan korporat berdasarkan prinsip keupayaan, beramanah dan ketelusan.”</p>	Dipersetujui: 15 November 2010

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
21	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri menambah baik kemudahan sedia ada melalui pembinaan sebuah pejabat tambahan di sebelah Bangunan Annex yang dilengkapi dengan pegawai penyidik, bilik pejabat, bilik pendengaran awam, bilik mesyuarat, perpustakaan yang lengkap dan bilik senaman yang boleh membantu para Ahli Dewan Negeri melaksanakan tugas mereka dengan lebih efektif “.	Dipersetujui: 15 November 2010
22	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri agar segera membentangkan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor (SELESA) demi ke arah objektif pembaharuan dan memperkasakan institusi Dewan sebagai badan Legislatif serta menepati Prinsip Pengasingan Kuasa (Separation Of Power)“.	Dipersetujui: 15 November 2010
23	Y.B. ADN Sekinchan	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak pihak Kementerian Kerja Raya agar segera mengambil perhatian dan tindakan yang proaktif dengan menjalankan kerja-kerja menaik taraf jalan Persekutuan 5 khususnya dari Kapar hingga ke Sabak Bernam demi memastikan keselamatan para pengguna jalan raya“.	Dipersetujui: 15 November 2010

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2011

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor (Bahagian Kedua) (Pindaan) 2011	Bacaan Pertama : 24.01.2011 Bacaan Kedua & Ketiga : Tidak Dipersetujui
2	Enakmen Perbekalan Tambahan 2011	Dipersetujui: 31 Mac 2011
3	Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011	Dipersetujui: 31 Mac 2011
4	Enakmen Anggota Pentadbiran & Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2011	Dipersetujui: 31 Mac 2011
5	Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2010	Dipersetujui: 1 April 2011
6	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2011	Dipersetujui: 12 Julai 2011
7	Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011	Dipersetujui: 12 Julai 2011
8	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor)(Pindaan) 2011	Dipersetujui: 12 Julai 2011
9	Enakmen Perbekalan (2012) 2011	Dipersetujui: 16 November 2011
10	Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2011	Dipersetujui: 17 November 2011
11	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3) 2011	Dipersetujui: 17 November 2011
12	Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (Pindaan) 2011	Dipersetujui: 17 November 2011

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWAKE DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2011

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	
1	<p>Y.B. ADN Hulu Kelang</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u></i></p>	<p>“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat akan melaksanakan reformasi menyeluruh dalam semua aspek pengurusan negara. Program kedua dari sepuluh program 100 Hari Pakatan Rakyat mendapat mandat rakyat adalah Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato’ Menteri Besar agar menggerakkan segera program ini dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mewujudkan satu sekretariat khas untuk merangka dan menjalankan program penerangan dan kempen mansuhkan ISA di seluruh Negeri Selangor 2) Memberikan peruntukan bagi memasang papan-papan tanda (<i>billboards</i>) di setiap DUN dengan tema Selamatkan Malaysia : Mansuhkan ISA 	Dipersetujui: 1 April 2011

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
2	<p data-bbox="323 240 525 305">Y.B. ADN Hulu Kelang</p> <p data-bbox="323 375 525 472"><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u></p>	<p data-bbox="573 240 1524 440">“ Bahawa Dewan ini menarik perhatian bahawa UKRC atau Ulu Klang Recreation Club telah pun diberi kelulusan Tanah Lot 3026 Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak mengikut Seksyen 24(i) Kanun Tanah, Bab 138, Tahun 1928 bagi tujuan Kelab/Dewan Komuniti dan Padang Permainan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958 (Rujukan:No.(14) in DOKL 7882)</p> <p data-bbox="573 467 1524 532">Tapak UKRC merupakan tapak rekreasi bagi maksud Kelab/Dewan Komuniti dan Padang dan bukan tanah kawasan lapang.</p> <p data-bbox="573 560 1524 625">Namun pada tahun 2004, secara luar biasa pentadbiran kerajaan lalu telah mewartakan tapak rekreasi UKRC sebagai kawasan lapang.</p> <p data-bbox="573 652 1524 782">Bahawa dengan ini, di atas prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato’ Menteri Besar mengambil hak asal UKRC seperti yang telah diperolehi daripada Pejabat Tanah Kuala Lumpur pada 12hb Julai 1958, dengan:</p> <p data-bbox="573 812 1524 974">(4) Meminda Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 pada baris ketujuh dengan “ bagi maksud Kelab/Dewan Komuniti dan Padang yang akan dikawal oleh UKRC ” selaras dengan kelulusan awal yang telah diberi kepada UKRC oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1958; atau</p> <p data-bbox="573 1015 1524 1209">(5) Meluluskan permohonan UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan Lot 3026, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak dengan syarat tidak boleh dijual atau ditukar milik bagi tujuan Kelab/Dewan Komuniti dan Padang selaras dengan kelulusan yang diperolehi oleh UKRC daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Pejabat Tanah Kuala Lumpur bertarikh 12hb Julai 1958; dan</p> <p data-bbox="573 1250 1524 1380">(6) Membatalkan Warta Kerajaan Negeri Selangor No.2214/2004 bertarikh 2hb Disember 2004 dibuat sebaik sahaja kelulusan diberi kepada UKRC untuk mendapatkan milikan kekal Tanah Kerajaan bagi mengelakkan sebarang kontroversi pada masa hadapan di antara Kerajaan Negeri dan UKRC”</p>	Dipersetujui: 1 April 2011

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
3	Y.B. ADN Sekinchan <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 27</u>	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) supaya segera menyasiat dan seterusnya mengambil tindakan terhadap siapakah dalang sebenar yang bertanggungjawab menerbitkan akhbar ciplak “ Selangor Terkini ”.	Dipersetujui: 1 April 2011
4	Y.B. ADN Hulu Kelang <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan seperti di bawah diterima :- Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2011 – Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ”.	Dipersetujui: 1 April 2011
5	Y.B. ADN Hulu Kelang <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan seperti di bawah diterima :- Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2011 – Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency – SELCAT)”.	Dipersetujui: 1 April 2011
6	Y.B. ADN Kampung Tunku <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u>	“ Bahawasanya mengikut Perenggan (5), dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JPK-PADAT) yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2011 diterima”	Dipersetujui: 1 April 2011

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
7	<p data-bbox="331 272 514 305">Y.B. ADN Ijok</p> <p data-bbox="323 407 522 505"><i>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(p)</i></p>	<p data-bbox="573 272 1524 505">“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini memutuskan bahawa Yang Berhormat Tuan Badrul Hisham bin Abdullah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang, dan peguam beliau Mohd Hafarizam Harun dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas tuduhan bahawa mereka secara berasingan atau bersesama melakukan kesalahan menghina Dewan dengan menghantar sepucuk surat bertarikh 29 Mac 2011 kepada Tuan Speaker Dewan ini yang berbahasa amat tidak senonoh, biadab dan mengugut.</p> <p data-bbox="573 537 1524 667">Bahawanya untuk tujuan siasatan ke atas perkara tersebut, Yang Berhormat M. Manoharan, Ahli Dewan Negeri kawasan Kota Alam Shah hendaklah mempengerusikan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menggantikan Tuan Speaker, Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan”</p>	<p data-bbox="1560 272 1883 305">Dipersetujui: 1 April 2011</p>
8	<p data-bbox="296 764 550 797">Y.B. ADN Seri Setia</p> <p data-bbox="323 862 522 959"><i>Usul di bawah Peraturan Tetap 17(1)</i></p>	<p data-bbox="573 764 1524 829">“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini, menyatakan pendirian terhadap kerajaan Persekutuan dan Polis Diraja Malaysia untuk :-</p> <p data-bbox="573 862 1524 959">i. Menghentikan segala tangkapan dan halangan kepada kempen Gabungan Menuntut Pilihan raya Bersih dan Adil (BERSIH) 2.0 di Selangor malah di seluruh negara;</p> <p data-bbox="621 992 1024 1024">Dan Kerajaan Negeri seterusnya :-</p> <p data-bbox="573 1057 1524 1219">ii. Mempertahankan hak rakyat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri , Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tanpa halangan Polis atau mana-mana pihak selari dengan perkara 10, Perlembagaan Persekutuan”</p>	<p data-bbox="1560 764 1883 797">Dipersetujui: 12 Jul 2011</p>

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan									
9	Kerajaan <u>Usul Anggaran</u> <u>Peruntukan</u> <u>Pembangunan 2011</u>	<p>“Bahawa menurut seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM20,028,000.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2011, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.</p> <p style="text-align: center;">JADUAL</p> <p style="text-align: center;">BAJET TAMBAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2011</p> <table border="1" data-bbox="611 583 1379 834"> <thead> <tr> <th data-bbox="611 583 720 699">VOT</th> <th data-bbox="720 583 1106 699">JABATAN</th> <th data-bbox="1106 583 1379 699">PERUNTUKAN (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="611 699 720 768">P01</td> <td data-bbox="720 699 1106 768">Menteri Besar & SUK</td> <td data-bbox="1106 699 1379 768">20,028,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="611 768 1106 834" style="text-align: center;">JUMLAH</td> <td data-bbox="1106 768 1379 834" style="text-align: center;">20,028,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	VOT	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)	P01	Menteri Besar & SUK	20,028,000.00	JUMLAH		20,028,000.00	Dipersetujui: 12 Jul 2011
VOT	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)										
P01	Menteri Besar & SUK	20,028,000.00										
JUMLAH		20,028,000.00										
10	Y.B. ADN Kota Alam Shah <u>Usul di bawah</u> <u>Peraturan Tetap</u> <u>26(1)</u>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta mempertimbangkan kesemua Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh Negeri Selangor mempunyai sekurang-kurangnya tanah yang mencukupi untuk setiap sekolah bagi menghapuskan label bantuan modal ke atas sekolah-sekolah tersebut, khususnya 53 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 67 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato’ Menteri Besar agar melaksanakannya dengan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="573 1159 1528 1227">i. Menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengambil alih milikan-milikan tanah yang berdekatan dengan sekolah-sekolah tersebut <li data-bbox="573 1260 1528 1357">ii. Menggesa Kerajaan Persekutuan menukar kesemua status sekolah-sekolah tersebut daripada status bantuan modal kepada bantuan penuh sejurus selepas memastikan tanah yang mencukupi tersebut diperolehi” 	Tidak Dipersetujui: 12 Jul 2011									

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
11	Y.B. ADN Kota Alam Shah <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta melaksanakan program khusus bagi semua kaum di seluruh Negeri Selangor dibawah Pakatan Rakyat dengan mengarahkan serta merta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memberi diskaun sebanyak 7% bagi semua jenis kategori perumahan untuk semua kaum yang miskin dan lahir di Negeri Selangor“.</p>	Tidak Dipersetujui: 12 Jul 2011
12	Y.B. ADN Kota Alam Shah <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta mengutuk dan membantah sekeras-kerasnya tindakan Kerajaan Persekutuan yang telah gagal dan/atau enggan untuk membina Jambatan Ketiga di Klang bagi mengatasi kesesakan jalan raya walaupun ianya telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan semasa kempen-kempen pilihan raya ke 12 pada tahun 2008 sebagai janji-janji pilihan raya mereka.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan agar segera membina jambatan ketiga tersebut untuk rakyat Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya”</p>	Dipersetujui: 13 Jul 2011
13	Y.B. ADN Kota Alam Shah <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat mengamalkan prinsip kebebasan beragama sepertimana yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk segera memutuskan dan mengeluarkan surat pekeliling (<i>circular</i>) kepada semua pihak-pihak berkenaan dan berkaitan agar semua Masjid, Surau, Kuil-Kuil Hindu, Tokong-tokong Cina, Gereja dan semua rumah-rumah Ibadat Bukan Islam tidak boleh dirobohkan dan juga tidak boleh dipindahkan tanpa persetujuan / kebenaran EXCO Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mengekalkan di tempat asalnya semua Masjid, Surau, Kuil-Kuil Hindu dan Tokong-tokong Cina, Gereja dan semua rumah-rumah Ibadat Bukan Islam”</p>	Dipersetujui: 13 Jul 2011

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
14	<p>Y.B. ADN Kota Alam Shah</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1)</u></i></p>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta melaksanakan program-program khusus bagi kaum India di seluruh Negeri Selangor dibawah Pakatan Rakyat yang amat prihatin terhadap nasib kaum India dengan melancarkan skim-skim berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mempertimbangkan untuk membuka tanah seluas 2000 ekar bagi 200 buah keluarga kaum India yang miskin bagi mengusahakan tanah untuk tujuan pertanian, penternakan dan/atau perikanan; dan ii. Mempertimbangkan untuk menubuhkan satu dana RM100 juta bagi membantu golongan kaum India untuk menceburkan diri didalam perniagaan khususnya SMI dan skim ini dikelolakan oleh satu jabatan di bawah pimpinan YAB Menteri Besar yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Kaum India” 	<p>Tidak Dipersetujui: 13 Jul 2011</p>
15	<p>Y.B. ADN Kota Alam Shah</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i></p>	<p>“ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang Mulia bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat di dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2011 adalah diterima”.</p>	<p>Dipersetujui: 13 Jul 2011</p>
16	<p>Y.B. ADN Kampung Tunku</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i></p>	<p>“ Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan (JP-ABAS) Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 19 Tahun 2011 diterima ”.</p>	<p>Dipersetujui: 13 Jul 2011</p>

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan																																																				
17	Kerajaan <u>Usul Bajet</u> <u>Peruntukan</u> <u>Pembangunan 2012</u>	<p>“Bahawa menurut Subseksyen 4(3) dan Seksyen (9) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM600,000,000.00 yang dinyatakan dalam Anggaran Peruntukan Pembangunan Tahun 2011, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.</p> <p style="text-align: center;">JADUAL BAJET PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2012</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 10%;"></th> <th style="width: 60%;">Maksud</th> <th style="width: 30%;">Tajuk</th> <th style="width: 10%;">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P.01</td> <td>Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan</td> <td></td> <td style="text-align: right;">225,000,000</td> </tr> <tr> <td>P.04</td> <td>Perbendaharaan Negeri</td> <td></td> <td style="text-align: right;">4,847,000</td> </tr> <tr> <td>P.05</td> <td>Perbendaharaan Negeri (Pembangunan Komputer)</td> <td></td> <td style="text-align: right;">4,000,000</td> </tr> <tr> <td>P.08</td> <td>Jabatan Pertanian</td> <td></td> <td style="text-align: right;">15,000,000</td> </tr> <tr> <td>P.10</td> <td>Jabatan Perhutanan</td> <td></td> <td style="text-align: right;">5,500,000</td> </tr> <tr> <td>P.12</td> <td>Jabatan Kerja Raya</td> <td></td> <td style="text-align: right;">153,100,000</td> </tr> <tr> <td>P.13</td> <td>Jabatan Pengairan dan Saliran</td> <td></td> <td style="text-align: right;">65,000,000</td> </tr> <tr> <td>P.14</td> <td>Jabatan Agama Islam</td> <td></td> <td style="text-align: right;">106,000,000</td> </tr> <tr> <td>P.16</td> <td>Jabatan Perancang Bandar dan Desa</td> <td></td> <td style="text-align: right;">2,500,000</td> </tr> <tr> <td>P.17</td> <td>Jabatan Perkhidmatan Veterinar</td> <td></td> <td style="text-align: right;">6,553,000</td> </tr> <tr> <td>P.27</td> <td>Jabatan Kehakiman Syariah</td> <td></td> <td style="text-align: right;">12,500,000</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> <td></td> <td style="text-align: right;"><u>600,000,000</u></td> </tr> </tbody> </table>		Maksud	Tajuk	Amaun (RM)	P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan		225,000,000	P.04	Perbendaharaan Negeri		4,847,000	P.05	Perbendaharaan Negeri (Pembangunan Komputer)		4,000,000	P.08	Jabatan Pertanian		15,000,000	P.10	Jabatan Perhutanan		5,500,000	P.12	Jabatan Kerja Raya		153,100,000	P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran		65,000,000	P.14	Jabatan Agama Islam		106,000,000	P.16	Jabatan Perancang Bandar dan Desa		2,500,000	P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		6,553,000	P.27	Jabatan Kehakiman Syariah		12,500,000		Jumlah		<u>600,000,000</u>	Dipersetujui: 17 November 2011
	Maksud	Tajuk	Amaun (RM)																																																				
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan		225,000,000																																																				
P.04	Perbendaharaan Negeri		4,847,000																																																				
P.05	Perbendaharaan Negeri (Pembangunan Komputer)		4,000,000																																																				
P.08	Jabatan Pertanian		15,000,000																																																				
P.10	Jabatan Perhutanan		5,500,000																																																				
P.12	Jabatan Kerja Raya		153,100,000																																																				
P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran		65,000,000																																																				
P.14	Jabatan Agama Islam		106,000,000																																																				
P.16	Jabatan Perancang Bandar dan Desa		2,500,000																																																				
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar		6,553,000																																																				
P.27	Jabatan Kehakiman Syariah		12,500,000																																																				
	Jumlah		<u>600,000,000</u>																																																				

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
18	Y.B. ADN Sekinchan <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>27(3)</u></i>	“ Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Kementerian Luar Negeri agar segera mengambil perhatian dan membantu menyelesaikan masalah para nelayan tempatan yang mutakhir ini terus diancam dan ditahan oleh pihak Maritim Indonesia semasa mencari nafkah hidup di lautan yang bersempadan dengan perairan antarabangsa”.	Dipersetujui: 17 November 2011
19	Y.B. ADN Hulu Kelang <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>76(5)</u></i>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2011 berkenaan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN Ampang Pecah, diterima ”.	Dipersetujui: 17 November 2011
20	Y.B. ADN Lembah Jaya <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>76(5)</u></i>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2011 berkenaan Bernam River Airfield, diterima ”.	Dipersetujui: 17 November 2011
21	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>76(5)</u></i>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2011 berkenaan Pendengaran Tertutup Tanah Milik PKPS, diterima ”.	Dipersetujui: 17 November 2011
22	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>76(5)</u></i>	“ Sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76 (5), Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2011 berkenaan dengan kuari haram di Bandar Baru Selayang, diterima ”.	Dipersetujui: 17 November 2011

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2012

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Enakmen Perbekalan Tambahan 2012	Dipersetujui: 12 Julai 2012
2	Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2012	Dipersetujui: 12 Julai 2012
3	Enakmen Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (Negeri Selangor) 2012	Ditarik balik: 9 Julai 2012
1	Enakmen Perbekalan (2013) 2012	Dipersetujui: 28 November 2012
2	Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan)(No.2) 2012	Dipersetujui: 28 November 2012
3	Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2012	Dipersetujui: 28 November 2012

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWA KE DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	
1	<i>Usul Kerajaan</i> <i>Dato' Menteri Besar Selangor</i>	<p>“ Bahawasanya menurut Peraturan 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa;</p> <p>i. Y.B. Tuan Lee Kim Sin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong seterusnya mengekalkan Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias sebagai Ahli Jawatankuasa; dan</p> <p>ii. Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman, Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Kerajaan.”</p>	Dipersetujui: 27 Mac 2012
2	<i>Usul Kerajaan</i> <i>Dato' Menteri Besar Selangor</i>	<p>“ Bahawasanya menurut Peraturan 72 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan mendiang Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (<i>Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency – SELCAT</i>).”</p>	Dipersetujui: 27 Mac 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
3	<p><i>Usul Kerajaan</i></p> <p><i>Dato' Menteri Besar Selangor</i></p>	<p>“ Bahawasanya menurut Peraturan 68 A (2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Air Tawar dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer di dalam Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT).”</p>	<p>Dipersetujui: 27 Mac 2012</p>
4	<p>Y.B. ADN Teratai</p> <p><i><u>Peraturan Tetap 76(5)</u></i></p>	<p>“Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) berkenaan Pelantikan Ahli Majlis bagi Pihak Berkuasa Tempatan seperti di Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2012 diterima”.</p>	<p>Dipersetujui: 27 Mac 2012</p>
5	<p>Y.B. ADN Sekinchan</p> <p><i><u>Peraturan Tetap 76(5)</u></i></p>	<p>“Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2012 adalah diterima”.</p>	<p>Dipersetujui: 27 Mac 2012</p>
6	<p>Y.B. ADN Sekinchan</p> <p><i><u>Peraturan Tetap 27(3)</u></i></p>	<p>“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Negeri menyegerakan pembinaan tapak letak kereta dan pasar di Taman Sri Muda, Shah Alam memandangkan keperluan dan permintaan daripada penjaja setempat adalah terdesak serta kos pembinaannya yang semakin meningkat sejak 11 tahun yang lalu.”</p>	<p>Dipersetujui: 27 Mac 2012</p>

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
7	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>26(1)</u></i>	“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk berunding semula dengan syarikat konsesi Lebuhraya Pantai Barat agar hak dan kepentingan rakyat Selangor dipelihara.”	Dipersetujui: 27 Mac 2012
8	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>26(1)</u></i>	“Bahawa Dewan yang mulia ini menetapkan agar kerajaan Selangor menolak sebarang permohonan pembinaan kilang-kilang yang terlibat dalam pemprosesan bahan-bahan radioaktif di Selangor untuk memelihara hak dan kepentingan rakyat Selangor serta melindungi alam sekitar di negeri Selangor.”	Dipersetujui: 27 Mac 2012
9	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Peraturan Tetap</u></i> <i><u>26(1)</u></i>	“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghapuskan kutipan tol Lebuhraya Persekutuan II iaitu di Sungai Rasau dan Batu Tiga.”	Dipersetujui: 27 Mac 2012
10	Kerajaan <i><u>Usul Anggaran</u></i> <i><u>Peruntukan</u></i> <i><u>Tambahan</u></i> <i><u>Pembangunan 2012</u></i>	“ Bahawa menurut seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM40,420,420.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2012, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.	Dipersetujui: 12 Julai 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
11	Y.B. ADN Kota Alam Shah <i><u>Peraturan Tetap 26(1)</u></i>	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta-merta menggesa Kerajaan Negeri melaksanakan program khusus bagi semua kaum di seluruh Negeri Selangor di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat dengan mengarahkan serta merta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk memberi diskaun sebanyak 7% dengan serta-merta bagi semua jenis kategori perumahan di bawah pembangunan PKNS untuk semua kaum yang lahir di Negeri Selangor yang miskin dan berpendapatan kurang daripada RM1,500.00 sebulan.”	Dipersetujui: 12 Julai 2012
12	Y.B. ADN Sekinchan <i><u>Peraturan Tetap 26(1)</u></i>	“ Bahawasanya Dewan yang mulia ini, mengambil ketetapan menyeru Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu Rang Undang-undang melarang semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis Bandaraya, Ahli Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Daerah daripada memohon tanah Kerajaan demi membina sebuah Kerajaan yang bersih dan mengelakkan sebarang amalan penyalahgunaan kuasa “	Dipersetujui: 12 Julai 2012
13	Kerajaan <i><u>Usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2013</u></i>	“ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak RM633,019,310.00 yang dinyatakan dalam Bajet Peruntukan Pembangunan, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan ”	Dipersetujui: 29 November 2012
14	Kerajaan <i><u>Usul Bajet Tambahan (No.2) Peruntukan Pembangunan 2012</u></i>	“ Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM27,160,327.11 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan (No.2) Peruntukan Pembangunan 2012, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan ”	Dipersetujui: 29 November 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
15	Kerajaan <u>Usul Pelantikan Dua (2) Orang Ahli Dewan Negara Bagi Negeri Selangor</u>		Dipersetujui: 29 November 2012
16	Y.B. ADN Sekinchan <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u>	“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertanian menyemak semula keputusan tawaran tender benih padi sah RM164.8 juta tahun 2013-2014 yang ternyata wujud penyelewengan dan monopoli oleh syarikat kroni demi mempertahankan hak petani dan sekaligus menjamin kesinambungan bekalan makanan negara“.	Dipersetujui: 30 November 2012
17	Y.B. ADN Sekinchan <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u>	“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan menggesa pihak Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat aduan pencemaran ekologi dan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti penternakan udang khususnya di atas Lot 26426, Mukim Tanjung Karang, tanah milik Menteri Pertanian Datuk Seri Noh Omar di Kampung Melaka, Bagan Tengkorak Tanjung Karang“.	Dipersetujui: 30 November 2012
18	Y.B. ADN Rawang <u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u>	“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan untuk mengenakan denda RM5,000.00, yang akan dipotong dari Elaun Khas Ahli Dewan Negeri, ke atas Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali kerana kenyataan seksis yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Batang Kali terhadap Yang Berhormat Bukit Lanjan pada 22 November 2012, semasa sesi penggulungan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan yang berbunyi “...(Tapi) jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri“.	Dipersetujui: 30 November 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
19	Y.B. ADN Teratai <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76</u></i>	“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini bersetuju dan menerima penyata yang dikemukakan oleh JP-PBT (Kertas Bil. 34/2012) mengenai pemantauan projek MARRIS 2011, kriteria pelantikan panel peguam di PBT dan pengurusan pasar pagi, pasar malam dan uptown serta semakan akaun JKP/MPP”	Dipersetujui: 30 November 2012
20	Y.B. ADN Hulu Kelang <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai Perolehan, Penggunaan dan Pulangan Pinjaman RM90.3 Juta oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2012”	Dipersetujui: 30 November 2012
21	Y.B. ADN Hulu Kelang <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai Kejadian Banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2012”	Dipersetujui: 30 November 2012
22	Y.B. ADN Hulu Kelang <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 Berhubung Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2012”.	Dipersetujui: 30 November 2012

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
23	Y.B. ADN Seri Setia <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai Permohonan Pembangunan Tanah Padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2), yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2012”	Dipersetujui: 30 November 2012
24	Y.B. ADN Sekinchan <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2012” .	Dipersetujui: 30 November 2012
25	Y.B. ADN Kampung Tunku <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai Siasatan Ke Atas Urusniaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang telah dibentangkan Di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2012”	Dipersetujui: 30 November 2012
26	Y.B. ADN Kajang <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor (<i>Public Account Committee-PAC</i>) mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Tahun 2010 yang telah dibentangkan Di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2012”	Dipersetujui: 30 November 2012

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2013

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013	Dipersetujui: 5 Julai 2013
2	Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2014) 2013	Dipersetujui: 26 Nov 2013
3	Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2013	Dipersetujui: 27 Nov 2013
4	Rang Undang-undang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013	Dipersetujui: 27 Nov 2013
5	Rang Undang-Undang Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2013	Dipersetujui: 27 Nov 2013

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWA KE DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2013

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.	
1	Kerajaan <i>Usul Bajet Peruntukan n Pembangunan 2013</i>	“Bahawa menurut seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM79,000,000.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan (No. 1) 2013, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.	Dipersetujui: 5 Julai 2013

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
2	Kerajaan <u>Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan</u>	<p>“ Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan”.</p> <p>Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dicadangkan menganggotai Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan :-</p> <p style="text-align: center;"><u>Pengerusi :</u></p> <p>Y.B. Dato’ Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong</p> <p style="text-align: center;"><u>Ahli-ahli:</u></p> <p>Y.B. Tuan Amirudin bin Shari Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves</p> <p>Y.B. Tuan Lee Chin Cheh Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang</p> <p>Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing</p> <p>Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi</p> <p>Y.B. Tuan Ng Suee Lim Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan</p> <p>Y.B. Dato’ Haji Amiruddin bin Setro Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram</p>	Dipersetujui: 8 Julai 2013

Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (Sungai Burong) telah menolak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan. Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mencadangkan agar Yang Berhormat berikut menganggotai Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan :-

Pengerusi :

Y.B. Tuan Ng Suee Lim
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sekinchan

Ahli-ahli:

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari
Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang

Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias
Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Burong

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
Ahli Dewan Negeri Kawasan Jeram

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
3	<p data-bbox="401 240 514 264"><i>Kerajaan</i></p> <p data-bbox="327 306 588 435"><u>Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)</u></p>	<p data-bbox="619 240 1560 337">“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68A Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)”.</p> <p data-bbox="619 375 1560 435">Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dicadangkan menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah :-</p> <p data-bbox="810 477 945 505"><u>Pengerusi :</u></p> <p data-bbox="810 542 1360 602">Y.B. Tuan Lau Weng San Ahli Dewan Negeri Kawasan Kampung Tunku</p> <p data-bbox="810 644 926 672"><u>Ahli-ahli:</u></p> <p data-bbox="810 709 1293 769">Y.B Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei Ahli Dewan Negeri Kawasan Sri Muda</p> <p data-bbox="810 812 1257 872">Y.B. Puan Gan Pei Nei Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang</p> <p data-bbox="810 914 1396 974">Y.B. Puan Lee Kee Hiong Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu</p> <p data-bbox="810 1016 1232 1076">Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah Ahli Dewan Negeri Kawasan Bangi</p> <p data-bbox="810 1118 1329 1179">Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan Ahli Dewan Negeri Kawasan Gombak Setia</p> <p data-bbox="810 1221 1276 1281">Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuang</p>	Dipersetujui: 8 Julai 2013

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
4	Kerajaan Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)	<p>“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68B Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT)”.</p> <p>Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dicadangkan menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pihak berkuasa Tempatan :-</p> <p><u>Pengerusi :</u></p> <p>Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia</p> <p><u>Ahli-ahli:</u></p> <p>Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad Ahli Dewan Negeri Kawasan Ijok</p> <p>Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Gasing</p> <p>Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman Ahli Dewan Negeri Kawasan Paya Jaras</p> <p>Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer</p> <p>Y.B. Tuan Ng Tien Chee Ahli Dewan Negeri Kawasan Balakong</p> <p>Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Damansara</p>	Dipersetujui: 8 Julai 2013

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
5	Kerajaan Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS)	<p>“Bahawasanya menurut Perenggan 1, Peraturan Tetap 68C Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat”.</p> <p>Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dicadangkan menganggotai Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat:-</p> <p><u>Pengerusi :</u></p> <p>Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib Ahli Dewan Negeri Kawasan Hulu Kelang</p> <p><u>Ahli-ahli:</u></p> <p>Y.B. Puan Yeo Bee Yin Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama</p> <p>Y.B. Tuan Ng Sze Han Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara</p> <p>Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya</p> <p>Y.B. Tuan Amirudin bin Shari Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Caves</p> <p>Y.B. Puan Gan Pei Nei Ahli Dewan Negeri Kawasan Rawang</p> <p>Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif Ahli Dewan Negeri Kawasan Dengkil</p>	Dipersetujui: 8 Julai 2013

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
13	<i>Usul Kerajaan Dato’ Menteri Besar Selangor</i> Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (<i>Special</i>	“Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa : 5) Y.B. Ng Sze Han, Ahli Dewan Negeri Kawasan Kinrara dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa menggantikan Y.B. Puan Yeo Bee Yin Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama; dan 6) Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Kawasan Morib dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Andalas;	Dipersetujui: 10 Nov 2016

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
	<i>Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor (JPK-SAS)</i>	dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor (JPK-SAS).	
14	Y.B. Taman Medan <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Penjaja Tanpa Lesen Di Petaling Jaya Selatan (PJS 1, PJS 2, PJS 3 DAN PJS 4) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2016”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016
15	Y.B. Sekinchan <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (<i>Public Account Committee - PAC</i>) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu-Isu Pada Tahun 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2016”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
16	Y.B. Kampung Tunku <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah (JP-PADAT) Berhubung Status Tanah PKNS Dan Tanah Di Taman Permata Dengkil Di Kawasan Pentadbiran Pejabat Daerah Dan Tanah Di Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2016”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016
17	Y.B. Pandamaran <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</u></i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2016”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016
18	Y.B. Balakong <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u></i>	“Bahawa Dewan Negeri Selangor menggesa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui agensi masing-masing mengambil tindakan segera untuk memastikan isu pencemaran air sungai yang mengganggu bekalan air tidak berlaku lagi kerana kegagalan ini akan terus mendatangkan kesusahan kepada rakyat Selangor”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
19	Y.B. Bukit Gasing <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u></i>	“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR) untuk menarik balik cadangan persempadanan semula dan mengemukakan satu cadangan persempadanan semula yang baru yang adil, yang mencadangkan kawasan pilihan raya yang seimbang dari segi bilangan pengundi, selaras dengan prinsip satu orang satu undi”.	Dipersetujui: 10 Nov 2016
20	Y.B. Sungai Pinang <i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1)(p)</u></i>	<p>“Bahawanya Dewan yang mulia ini merujuk YB Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali, Ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 seperti berikut:-</p> <p>“Ada terdapat sebahagian daripada komponen di dalam pentadbiran Y.A.B. Dato’ Menteri Besar matlamat pertubuhan itu untuk menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem Parlimen Berperlembagaan. Maknanya di sini ada isi ataupun niat barangkali untuk tidak mengiktiraf Raja Berperlembagaan. Ini mungkin Institusi diraja tidak diiktiraf berbanding dengan Barisan Nasional yang terbukti bukan sahaja mendukung dan menjunjung Institusi Diraja malah bertanggungjawab sepenuhnya membela Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri serta memastikan perkara-perkara tentang penubuhan dan fungsi Institusi Diraja dimasukkan serta dimartabatkan”</p>	Dipersetujui: 10 Nov 2016

RANG UNDANG-UNDANG YANG TELAH DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2017

Bil	Enakmen	Keputusan Dewan
1	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2018 Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2017	
2	Rang Undang-undang Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2016	Dipersetujui: 8 November 2016

USUL-USUL YANG TELAH DIBAWA KE DEWAN NEGERI SELANGOR

TAHUN 2017

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
		Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	Dipersetujui: 3 April 2017
1	Y.B. ADN Kinrara <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Kualiti : Post-Mortem Pencemaran Air Di Sungai Semenyih” yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017”.	Dipersetujui: 3 April 2017
2	Y.B. ADN Balakong <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Berhubung Polisi Bebas Plastik Dan Polistirena Di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2017”.	Dipersetujui: 3 April 2017
3	Y.B. ADN Seri Andalas <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</i>	Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Usul Nombor 20 Tahun 2016 Di Bawah Peraturan Tetap 26(1)(P) Untuk Merujuk Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (ADN Batang Kali) Ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Berdasarkan Ucapan Beliau Di Dewan Negeri Selangor Pada 1hb November 2016” yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2017”.	Dipersetujui: 3 April 2017

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
4	Y.B. ADN Batu Tiga <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pelaksanaan Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Dari Segi Tadbir Urus Dan Kewangan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017”.	Dipersetujui: 24 Julai 2017
5	Y.B. ADN Sekinchan <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5)</i>	“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (<i>Public Account Committee - PAC</i>) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pemberian Tender Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Bagi Projek Pintu Air Di Sungai Keramat Pada Tahun 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2017”.	Dipersetujui: 24 Julai 2017
6	Y.B. ADN Seri Andalas <i>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</i>	“Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk meneliti kesan terhadap pelaburan, ekonomi, percukaian dan impak terhadap rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya, rentetan kes kecurian wang dan korupsi 1MDB seperti yang difailkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) serta impak amalan kleptokrasi yang berakar di peringkat Kerajaan Persekutuan”.	Dipersetujui: 25 Julai 2017

Bil	Usul	Tajuk	Keputusan Dewan
7	<p>Y.B. ADN Damansara Utama</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u></i></p>	<p>“Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memperuntukkan sumber kewangan yang mencukupi dan mengatur polisi negeri secara strategik bagi meningkatkan kualiti hidup dan kebajikan anak-anak kelainan upaya termasuk diagnosis, program pencegahan awal, pendidikan, kebajikan kerajaan, dan sebagainya.”</p>	<p>Dipersetujui: 25 Julai 2017</p>
8	<p>Y.B. ADN Hulu Kelang</p> <p><i><u>Usul di bawah Peraturan Tetap 26</u></i></p>	<p>“Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengambil berat tentang permasalahan kemiskinan dan kualiti hidup beberapa kelompok dan segmen rakyat Selangor yang pada realitinya secara berterusan berada di bawah paras garis kemiskinan, tekanan dan penderitaan hidup, berada dalam keadaan hutang yang berpanjangan, tahap kesihatan jauh di bawah piawaian kesihatan sebuah negeri maju seperti Selangor dan mudah dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.</p> <p>Dengan itu Dewan Yang Mulia ini menyeru agar Kerajaan Negeri memulakan langkah untuk merangka dan seterusnya melaksanakan strategi menyeluruh dan bersepadu pembasmian kemiskinan di negeri Selangor.”</p>	<p>Tuan Speaker menggugurkan usul ini kerana pembawa usul telah menarik balik usul.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TINDAKAN MEROBOH OLEH PBT

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua tindakan meroboh premis/ bangunan oleh PBT dari 2008-2017 dan sebabnya.
- b) Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu mangsa.
- c) Apakah SOP tindakan meroboh premis/ bangunan oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tindakan penguatkuasaan ke atas premis/bangunan yang dibina tanpa kebenaran di Negeri Selangor dari tahun 2008-2017 adalah sebanyak 1,072. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH TINDAKAN PENGUATKUASAAN PREMIS/BANGUNAN TANPA KEBENARAN										JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
MBSA	7	6	14	15	21	11	0	0	0	2	76
MBPJ	1	5	1	4	5	5	9	9	7	12	58
MPK	0	6	8	9	14	17	18	16	17	28	133
MPAJ	12	15	11	17	8	14	20	16	29	11	153
MPSJ	16	17	97	24	25	18	10	10	34	12	263
MPS	0	0	0	7	12	5	15	13	18	9	79
MPKJ	0	0	0	0	0	0	6	18	24	23	71
MPSp	0	0	0	3	2	0	1	1	3	1	11
MDKL	0	0	0	0	0	0	0	1	2	3	6
MDHS	0	0	0	0	0	0	0	0	42	44	86
MDKS	0	0	0	0	0	0	51	31	38	15	135

MDSB	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
JUMLAH	36	49	131	79	87	70	130	115	215	160	1,072

b) Untuk makluman Y.B., tindakan perobohan dilaksanakan oleh PBT bagi kes-kes seperti berikut:

- 1) Binaan tanpa kebenaran di bangunan kediaman;
- 2) Binaan tanpa kebenaran di bangunan perniagaan;
- 3) Salah guna bangunan – rumah dijadikan aktiviti perniagaan;
- 4) Binaan dewan di kawasan kosong bawah bangunan bertingkat;
- 5) Rumah dijadikan hostel; dan
- 6) Binaan tanpa kebenaran di kawasan lapang.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri akan memastikan keperluan perundangan dipatuhi sebelum tindakan perobohan dilaksanakan, manakala bantuan yang bersesuaian akan dikenalpasti mengikut pertimbangan dan kewajaran kes berkenaan.

c) Kerja-karya perobohan adalah berlandaskan garis panduan dan akta yang digunapakai seperti Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Negeri Selangor 1986 seperti di Lampiran A.

TINDAKAN MEROBOH OLEH PBT

**PROSEDUR MEROBOH BANGUNAN DIKENAKAN NOTIS DI BAWAH SEKSYEN
72(1) AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974 (AKTA 133)**

1.0 PROSEDUR

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN
1.1 Terima arahan/pemantauan/aduan	PPS / PPSK	
1.2 Buat siasatan atau pemantauan di lokasi berdasarkan kepada arahan atau aduan dalam menentukan kesalahan yang telah berlaku di bawah Seksyen 72(1)	PPS / PPSK	- S.O.P Meroboh
1.3 Sediakan Notis :- 1.3.1 Nama OKK / Perniagaan / Syarikat / Pemilik Premis / Pemilik Perniagaan / Pemilik Bangunan; 1.3.2 Alamat Tetap OKK, jika ada 1.3.3 Tempoh Notis diberikan 1.3.4 Keterangan kesalahan 1.3.5 Tarikh dan masa kesalahan dilakukan 1.3.6 Nama Penerima Notis 1.3.7 Nombor Kad Pengenalan OKK, jika berkenaan 1.3.8 Nama Pengeluar Notis 1.3.9 Jawatan Pengeluar Notis	PPS / PPSK	
1.4 Lawatan semula ke premis untuk memastikan OKK telah mematuhi arahan Notis	PPS / PPSK	

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN
<p>1.5 Menyediakan surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir :- 6.5.1 Sekiranya OKK gagal mematuhi arahan Noits pertama 6.5.2 Serahkan Surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir dalam tempoh 7 hari kepada OKK</p>	PPS / PPSK	
<p>1.6 Menandatangani surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir</p>	P(BS) / AR	
<p>1.7 Menyerahkan surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir kepada OKK</p>	PPS / PPSK	
<p>1.8 Lawatan semula ke premis untuk memastikan OKK telah mematuhi arahan surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir</p>	PPS / PPSK	
<p>1.9 1.9.1 Sekiranya OKK gagal mematuhi arahan surat Pemberitahuan Pematuhan Notis Terakhir 1.9.2 Tindakan meroboh akan dijalankan</p>	PPS / PPSK	
<p>1.10 Menyediakan surat Pemberitahuan Tindakan Meroboh kepada OKK beserta tarikh tindakan meroboh akan dijalankan</p>	PT	
<p>1.11 Menandatangani surat Pemberitahuan Tindakan Meroboh</p>	P(BS) / AR	

TINDAKAN		TANGGUNGJAWAB	DOKUMEN
1.12	Menyerahkan surat Tindakan Meroboh kepada OKK	PPS / PPSK	
1.13	1.13 Menyediakan Memo ke Jabatan Penguatkuasa untuk bantuan anggota dan peralatan meroboh 1.14 Menyediakan Memo ke Jabatan Pentadbiran Am untuk bantuan pemandu dan kenderaan 'Back Hoe'	PT	
1.14	1.14.1 Menjalankan Operasi Meroboh pada tarikh yang ditetapkan 1.14.2 Status Operasi Meroboh Berjaya / Tidak	PPS / PPSK	
1.15	1.15.1 Menyediakan Laporan Meroboh dan Inventori Meroboh 1.15.2 Menyediakan IP ke Jabatan Undang-Undang	PPS / PPSK	

OKK - ORANG KENA KOMPAUN

PPS - PENOLONG PEGAWAI SENIBINA

PPSK - PENOLONG PEGAWAI SENIBINA KANAN

P(BS) - PENGARAH JABATAN BANGUNAN DAN SENIBINA

PT - PEMBANTU TADBIR

AR - ARKITEK

2.0 CARTA ALIR



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : STATUS KES MAHKAMAH

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kedudukan kes mahkamah melibatkan LBCN Developement Sdn Bhd dan Mujur Zaman Sdn Bhd?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan keputusan kes ini menyebelahi Kerajaan Negeri dan memberi keuntungan kepada rakyat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua kes yang melibatkan LBCN Development Sdn Bhd dan Mujur Zaman Sdn Bhd telah pun diselesaikan melalui resolusi rundingan alternatif (*alternative resolution dispute*) di Mahkamah di mana kesemua saman yang difailkan oleh kedua-dua syarikat ini di Mahkamah terhadap Kerajaan Negeri telah pun ditarik balik oleh pihak-pihak tersebut. Kesemua pihak yang terlibat telah bersetuju dan akur terhadap suatu penghakiman persetujuan bertariikh 17 Mei 2016 di mana kesemua terma-terma persetujuan secara global (*global settlement*) telah direkodkan bagi dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat.
- b) Tindakan Kerajaan Negeri untuk memulakan tindakan pengambilan tanah terhadap hakmilik-hakmilik di bawah Tetuan LBCN Developement Sdn Bhd telah membawa kepada satu penyelesaian secara holistik dan menyeluruh bagi keseluruhan pembangunan di Bandar Alam Perdana dan melibatkan tanah seluas 1,077.28 ekar. Melalui tindakan pengambilan dan proses mahkamah yang dilalui, Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan masalah projek perumahan yang telah diisytiharkan sebagai terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak dari tahun 2006. Melalui tindakan pengambilan tersebut, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pemberimilikan semula tujuh hakmilik tanah yang diambil kepada Menteri Besar Incorporated (MBI) bertujuan untuk melakukan pemulihan projek terbengkalai dan ini termasuk menguruskan proses tukar syarat tanah dan pengeluaran hakmilik individu. Tindakan ini ternyata berjaya apabila pemulihan tersebut berjaya disiapkan dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (CF) dan unit-unit rumah tersebut kemudiannya diserahkan kepada peneroka dan pembeli-pembeli rumah yang terlibat seramai 4,461 orang terdiri daripada 1,318 pembeli rumah teres 1 & 2 tingkat 2,500 pembeli rumah kos rendah serta 383 orang peneroka di mana mereka telah mendapat rumah sepertimana yang dijanjikan apabila

penyerahan milikan kosong mula bermula daripada April 2014. Selain daripada itu juga melalui tindakan pengambilan dan proses mahkamah yang dilalui, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat telah berjaya membuat penyelesaian secara holistik bagi segala permasalahan melibatkan peneroka dan pembeli-pembeli rumah bagi hakmilik-hakmilik bersebelahan yang dibangunkan oleh Tetuan Mujur Zaman Sdn Bhd melalui penghakiman persetujuan yang direkodkan bertarikh 17 Mei 2016 yang mana terma-terma penghakiman tersebut memberikan keadilan dan situasi menang-menang kepada semua pihak yang terlibat. Melalui penyelesaian secara holistik ini, seramai 712 orang peneroka bakal mendapat sebuah rumah dua tingkat beserta pampasan diberikan kepada setiap peneroka yang terlibat. Manakala pembangunan perumahan baru yang dibangunkan oleh pemaju baru di hakmilik-hakmilik tersebut akan menawarkan 11,709 unit rumah kepada pemilik baru di kawasan tersebut di mana daripada jumlah tersebut 4289 unit telah ditetapkan bagi Rumah Selangorku. Pembangunan di kawasan tersebut juga akan turut dilengkapi dengan kemudahan awam seperti sekolah dan masjid serta kemudahan komersil seperti kedai dan kompleks perniagaan. Secara tidak langsung, sasaran Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat di Selangor adalah tercapai dan ini juga akan turut mendorong penjana ekonomi negeri selaras dengan pembangunan pesat pembangunan kawasan tersebut yang turut akan menarik perhatian peniaga dan pelabur untuk turut sama bersama-sama menyumbang kepada penjana pendapatan ekonomi negeri khususnya di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENSWASTAAN ANAK SYARIKAT NEGERI

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci semua projek penswastaaan anak syarikat negeri dari 2008-2017.
- b) Apakah pulangan dari penswastaaan tersebut kepada Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pada peringkat MBI Selangor, tiada projek penswastaaan telah berlaku di antara 2008-2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PROJEK HORAS

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pelaksanaan Projek HORAS?
- b) Adakah Kerajaan Negeri masih meletakkan harapan pelaksanaan HORAS dalam membantu mengatasi masalah air di Selangor?

JAWAPAN:

- a) HORAS 600 dibangunkan di kawasan bekas lombong di Kg. Sungai Darah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor. Bagi memudahkan pelaksanaan dan pemantauan, Projek HORAS 600 ini dibahagikan kepada 2 fasa pembangunan iaitu:

1.1 Fasa 1 yang melibatkan 3 pakej kerja iaitu:

- (1) Pakej 1 - Kerja Pengorekan Kolam Utama oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang telah bermula semenjak 15 Mac 2014 yang dibahagikan kepada tiga seksyen kerja iaitu:
 - a) Seksyen 1 melibatkan kawasan seluas 48 hektar. Kerja-kerja pengorekan hingga mencapai paras kedalaman (ODL) antara -13 meter hingga -15 meter telah siap sepenuhnya pada 30 Oktober 2015.
 - b) Seksyen 2 melibatkan kawasan rumah pam. Kerja-kerja pengorekan telah siap pada 25 Januari 2017.
 - c) Seksyen 3 telah mencapai 85% pada 25 September 2017 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2017.
- (2) Pakej 2 - Kerja-kerja Membina Cerun Kolam & *External Works* yang telah bermula pada 16 November 2015 dan akan siap pada 16 Februari 2017. Kerja-kerja di tapak telah mencapai 64% dan terpaksa diberhentikan berikutan dari kerja-kerja pengorekan kolam utama oleh KSSB yang masih belum siap sepenuhnya. Lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja sehingga 15 Ogos 2018.

- (3) Pakej 3 – Pembinaan kolam Hang Tuah
Berdasarkan kepada kajian dan analisis yang dibuat, pihak Perunding mencadangkan supaya pelaksanaan Pakej ini ditangguhkan kerana air mentah dari HORAS 600 akan dipam terus ke sungai dan bukan ke loji rawatan air.

1.2 Fasa 2 pula melibatkan pembinaan rumah pam. Kerja-kerja di tapak dijadualkan bermula pada 14 Ogos 2017 dan kerja-kerja dijadualkan siap pada 13 Disember 2018.

- b) Tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk menyediakan jumlah air mentah yang mencukupi bagi dibekalkan kepada Loji rawatan air bagi menyediakan air terawat buat bekalan kepada pengguna.

Di Lembangan Sungai Selangor, ketika ini terdapat 5 loji rawatan air, iaitu Loji SSP1, SSP2, SSP 3(Badong), SSP 3 (Rasa) dan Rantau Panjang. Loji-loji ini memerlukan sejumlah 3000 juta liter sehari (JLH) bekalan air mentah.

Sebelum Mac 2014, punca bekalan air mentah datangnya hanya dari 2 sumber iaitu:

- i. Pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi; dan
- ii. Aliran asas (*river base flow*) air di Sungai Selangor

Keadaan musim kering dan kekurangan kadar penurunan hujan yang pada tahun 2013 dan 2014 telah menyebabkan penurunan paras Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi seperti berikut:-

Empangan/ paras simpanan	SEBELUM ADANYA HORAS	
	31 Dis 2013	30 Sep 2014
Empangan Sungai Selangor	65.20%	35.69%
Empangan Sungai Tinggi	88.45%	42.23%

Akibat perkara tersebut. Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil tindakan berikut:

- i. Jangka pendek
Mengenal pasti kolam-kolam alternatif yang dapat membekalkan air mentah dengan segera dan dapat membantu kekurangan air mentah di

dalam Sungai Selangor dan mengurangkan pelepasan di empangan bermula dari April 2014.

- ii. Jangka Panjang
Pembangunan HORAS iaitu untuk menampung air mentah ketika musim hujan dan melepaskannya ketika kemarau

Maka itu, bermula pada April 2014, punca bekalan air mentah di Lembangan Sungai Selangor adalah datangnya dari 3 punca iaitu:

- i. Pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi;
- ii. Aliran asas air di Sungai Selangor; dan
- iii. Kolam-kolam alternative yang berupaya membekalkan maksima 800 mld. Terdapat 9 buah kolam dan rangkaianannya.

Kolam-kolam alternatif ini telah dirancang untuk ditambah baik fungsi dan keupayaannya dengan membangunkannya menjadi projek yang dikenali sebagai HORAS.

Walaupun HORAS belum siap sepenuhnya, ia telah dapat membantu menghasilkan air tambahan sehingga 190 juta liter sehari (JLH) untuk keperluan SSP1, SSP2, SSP 3 (Badong), SSP 3 (Rasa) dan Rantau Panjang di samping mengurangkan pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi.

Melalui konsep HORAS, pelepasan air dari kedua-dua empangan ini dapat dikawal hingga dapat membantu kedua-dua empangan melepasi paras kritikal. Dengan adalah projek HORAS, kedudukan paras kedua-dua empangan adalah seperti berikut:

Empangan/ paras simpanan	SEBELUM ADANYA HORAS		SELEPAS ADANYA HORAS					
	31 Dis 2013	30 Sep 2014	31 Dec 2014	30 Sep 2015	31 Dec 2015	30 Sep 2016	31 Dec 2016	30 Sep 2017
Empangan Sungai Selangor	65.20%	35.69%	69.62%	76.45%	100%	54%	59.15%	97.86%
Empangan Sungai Tinggi	88.45%	42.23%	63.20%	68.82%	90.65%	61.40%	64.60%	94.97%

Konsep HORAS ini merupakan konsep terbaik pada ketika ini untuk menyelesaikan isu sumber air mentah. Melalui konsep HORAS, Kerajaan Negeri Selangor mendapati HORAS menyumbang kepada keadaan pembekalan air mentah di Negeri Selangor dalam keadaan terkawal terutamanya semasa menghadapi musim panas dan kekurangan hujan.

Kejayaan HORAS membantu masalah air di Selangor adalah sangat besar jika dibandingkan dengan kos pembinaannya. Kejayaan HORAS ini adalah satu kenyataan yang bukan sahaja diketahui oleh rakyat Negeri Selangor, malah konsep pelaksanaan HORAS ini telah menjadi ikutan dari negeri-negeri lain. Projek HORAS ini menjadi tapak lawatan dan sumber rujukan bukan sahaja dari wakil-wakil negeri seperti Melaka, Kelantan, Johor malah pelbagai agensi dan NGO juga datang untuk melihat sendiri bagaimana konsep yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini berjaya menyelesaikan masalah kekurangan sumber bekalan air terutamanya semasa musim kering melanda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KENAIKAN CUKAI PINTU

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dan tahun kenaikan cukai pintu dari 2008 sehingga kini.
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan menaikkan kadar cukai pintu pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Tiada kenaikan cukai pintu dari tahun 2008 sehingga 2017.
- b) Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk menaikkan kadar cukai taksiran. Ini berikutan keadaan taraf hidup semasa yang semakin meningkat dan pelaksanaan Cukai Perkhidmatan dan Barangan yang dilihat membebankan rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : JALAN PINTASAN RAWANG

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Jalan Pintasan Rawang?
- b) Nyatakan secara terperinci, kos pembinaan, sumber peruntukan, tempoh projek dan peranan Kerajaan Negeri bagi membina jalan tersebut.

JAWAPAN:

- a) Maklumat ini diperolehi daripada Ketua Pasukan Projek, Cawangan Jalan Zon Tengah

Status terkini projek: 99.5%. Dijangka siap 16 pada November 2017.

- b) Kos pembinaan semasa: RM 628,000,000.00
Sumber peruntukan: Kerajaan Persekutuan
Tempoh projek: 6 tahun
Peranan Kerajaan Negeri: Pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor terlibat dengan rizab hutan bagi jajaran jalan. JKR Negeri Selangor tidak terlibat secara langsung dengan kontrak projek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBAYARAN PREMIUM TANAH TERTUNGGAK

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pembayaran premium tanah tertunggak di Selangor dari 2014-2017.
- b) Nyatakan jumlah penama/ pemilik yang gagal membayar premium tanah tersebut mengikut PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Tiada istilah bayaran premium tertunggak kerana tempoh masa yang digunapakai bagi Borang 5A adalah selama satu (1) tahun dan Borang 7G adalah selama enam (6) bulan. Sekiranya didapati pihak pemohon gagal untuk membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan, tanah tersebut akan kembali menjadi Tanah Kerajaan di bawah Pemberimilikan Tanah Kerajaan. Manakala bagi urusan Pembangunan Tanah, kegagalan pembayaran premium juga akan menyebabkan tanah tersebut kembali kepada kategori kegunaan tanah dan syarat nyata yang terdahulu.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memberi pilihan kaedah bayaran kepada pemohon untuk menjelaskan bayaran premium melalui Pekeliling PTGS Bil 1/2016 (kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah di Negeri Selangor) seperti berikut:-

- i. Melanjutkan tempoh bayaran premium dan premium tambahan seperti berikut:-

Pembayaran premium Notis Borang 5A	12 bulan
Pembayaran premium tambahan Notis Borang 7G	6 bulan + 1 bulan (tambahan caj 3%)

- ii. Pengurangan bayaran premium sehingga 42% melalui pemendekan tempoh pegangan pajakan daripada 99 tahun kepada 60 tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
SELANGOR (JPS)**

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan JPS yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan peruntukan Bajet 2017 dibelanjakan mengikut SOP yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2017 JPS Negeri Selangor mendapat peruntukan sebanyak RM135 juta. Perbelanjaan sehingga 23 Oktober 2017 adalah seperti jadual di bawah:

BUTIRAN	PERUNTUKAN 2017 (RM)	PERBELANJAAN 2017 (RM)
P.K 1 PEMBANGUNAN PROJEK TEBATAN BANJIR	54,826,671.54	30,110,888.28
P.K 2 MENAIKTARAF SALIRAN	19,818,100.00	4,302,018.23
P.K 3 PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI	16,170,328.16	5,821,808.35
P.K 4 PEMBANGUNAN SUMBER AIR DAN HIDROLOGI	2,269,990.00	1,121,828.50
P.K 5 PEMBANGUNAN SALIRAN MESRA ALAM	12,78,700.00	3,474,462.34

P.K 6 PEMBANGUNAN PANTAI	13,700,000.00	5,760,734.40
P.K 7 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL	16,771,000.00	6,413,755.58
P.K 8 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BANGUNAN	159,010.00	114,033.36
P.K 9 PELBAGAI	0.00	0.00
JUMLAH	135,000,000.00	57,119,529.04

Pada tahun 2016, prestasi perbelanjaan bagi peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sehingga Oktober adalah sebanyak RM26,644,503.91 dengan peratus 33.30 % dari jumlah peruntukan sebanyak RM80,000,000.00.

Manakala perbelanjaan tahun semasa sehingga 25 Oktober 2017, adalah sebanyak RM57,119,529.04 dengan peratus 42% dari jumlah peruntukan tahunan yang diterima sebanyak RM135,000,000.00.

- b) Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Selangor telah menyediakan perancangan bagi pelaksanaan projek-projek di dalam RMK-11. Selain itu, unjuran kewangan setiap tahun juga telah dikemukakan semasa permohonan tersebut. Perancangan pelaksanaan projek bagi tahun semasa telah dibuat pada awal tahun melalui Rancangan Kerja Tahunan dan pemantauan secara berkala melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan yang dibuat 2 bulan sekali dipengerusikan oleh Pengarah JPS Negeri Selangor untuk pemantauan perbelanjaan peruntukan dari masa ke semasa. Pemantauan juga dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebanyak tiga (3) kali setahun bergantung kepada prestasi perbelanjaan semasa jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SAMAN PARKIR TERTUNGGAK

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah saman parkir tertunggak dari 2014-2017.
- b) Berapakah jumlah penama yang gagal membayar saman parkir tersebut mengikut PBT?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah keseluruhan saman parkir tertunggak dari tahun 2014 hingga 2017 adalah sebanyak RM271,168,393.00. Manakala jumlah keseluruhan penama yang gagal membayar saman parkir adalah sebanyak 2,908,091 penama. Adalah dimaklumkan juga bahawa Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) belum melaksanakan kutipan bayaran parkir. Perincian jumlah saman dan penama yang gagal membayar saman parkir seperti berikut:

PBT	TAHUN	JUMLAH SAMAN TERTUNGGAK (RM)	JUMLAH PENAMA YANG GAGAL MEMBAYAR SAMAN
MBSA	2014	19,859,200.00	198,589
	2015	26,340,240.00	263,401
	2016	29,169,980.00	291,706
	2017	21,943,590.00	221,708
MBPJ	2014	14,571,890.00	1,824
	2015	21,573,175.00	1,381
	2016	21,038,305.00	1,816

PBT	TAHUN	JUMLAH SAMAN TERTUNGGAK (RM)	JUMLAH PENAMA YANG GAGAL MEMBAYAR SAMAN
	2017	13,289,166.00	1,649
MPK	2014	136,145.00	105,150
	2015	200,906.00	125,449
	2016	181,433.00	107,156
	2017	143,956.00	94,823
MPAJ	2014	7,561,151.00	115,816
	2015	4,121,558.00	64,762
	2016	2,179,853.00	22,544
	2017	3,613,771.00	70,934
MPSJ	2014	11,830,400.00	147,883
	2015	9,803,832.00	129,287
	2016	12,241,772.00	152,359
	2017	10,717,520.00	133,969
MPS	2014	7,619,420.00	118,292
	2015	9,873,760.00	154,027
	2016	9,564,550.00	150,239
	2017	7,102,250.00	137,298
MPKj	2014	204,960.00	2,562
	2015	326,080.00	4,076
	2016	260,640.00	3,258
	2017	1,187,600.00	14,845
MPSp	2014	1,378,000.00	2,120
	2015	389,700.00	559

PBT	TAHUN	JUMLAH SAMAN TERTUNGGAK (RM)	JUMLAH PENAMA YANG GAGAL MEMBAYAR SAMAN
	2016	185,500.00	927
	2017	564,500.00	869
MDKL	2014	604,710.00	20,157
	2015	780,750.00	26,025
	2016	494,490.00	16,843
	2017	113,640.00	3,788
MDHS	belum melaksanakan kutipan bayaran parkir.		
MDKS	belum melaksanakan kutipan bayaran parkir.		
MDSB	belum melaksanakan kutipan bayaran parkir.		
JUMLAH		271,168,393.00	2,908,091

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- c) Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah saman parkir tertunggak seperti berikut:
- i. Kempen pengurangan kompaun;
 - ii. Menyediakan system i-sekat;
 - iii. Pengeluaran notis peringatan saman tertunggak;
 - iv. Pelaksanaan tindakan pendakwaan ke atas pemilik saman/kenderaan;
 - v. Pelaksanaan tindakan menyenarai hitam pemilik yang gagal menjelaskan saman;
 - vi. Menyediakan kiosk bayaran dan kaunter pandu lalu;
 - vii. Menyediakan kaedah pembayaran secara atas talian *online* melalui system B-COL (Bayar Kompaun Secara *Online*) dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : DEWAN MILIK KERAJAAN NEGERI

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dewan dibawah seliaan Kerajaan Negeri mengikut PBT.
- b) Berapakan jumlah pendapatan dari sewaan dewan dari 2014-2017 mengikut PBT?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah keseluruhan dewan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Selangor berjumlah 229 buah dewan. Manakala jumlah pendapatan keseluruhan sewaan dewan dari tahun 2014 hingga 2017 adalah sebanyak **RM18,095,154.34**. Butiran perincian pendapatan sewaan dewan mengikut PBT-PBT Negeri Selangor seperti berikut:

PBT	JUMLAH DEWAN	PENDAPATAN SEWAAN			
		(RM)			
		2014	2015	2016	2017
MBSA	56	279,911.00	926,231.61	1,415,856.20	2,001,846.30
MBPJ	31	762,927.50	1,907,412.00	1,157,093.11	641,394.50
MPK	23	793,386.00	428,152.00	458,291.00	280,756.00
MPAJ	15	895,563.00	935,897.00	989,429.00	900,000.00
MPSJ	14	317,848.00	309,410.87	387,822.71	247,641.55
MPS	16	569,133.00	526,567.77	510,800.17	302,229.55
MPKj	19	117,301.00	154,316.00	141,780.40	81,932.00
MPSp	13	94,671.00	138,982.00	105,554.60	88,737.60
MDKL	7	51,096.50	58,015.55	70,632.50	102,085.75
MDHS	14	168,597.00	165,925.00	126,102.00	114,784.93

PBT	JUMLAH DEWAN	PENDAPATAN SEWAAN			
		(RM)			
		2014	2015	2016	2017
MDKS	8	90,000.00	95,000.00	171,754.36	95.393.63
MDSB	13	42,652.50	46,674.50	53,637.30	41,496.70
JUMLAH	229	3,865,238.50	5,383,173.43	4,043,837.53	4,802,904.88

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : RUMAH URUT DI NEGERI SELANGOR

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah rumah urut yang terdapat didalam Negeri Selangor mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah serbuan mengikut tahun yang dilakukan dari tahun 2014 hingga kini.
- c) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mengekang penularan rumah urut di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri telah membekukan semua permohonan baru bagi lesen perniagaan penjagaan kesihatan (Urutan Traditional) dari tahun 2008 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil.5/2008. Selain daripada itu, PBT turut mengadakan operasi bersepadu bersama lain-lain agensi seperti PDRM, Imigresen, JAIS dan lain-lain dari masa ke semasa bagi mengekang penularan rumah urut di Selangor khususnya.

Jumlah rumah urut yang terdapat didalam Negeri Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 403 premis dan jumlah serbuan yang telah dilaksanakan dari tahun 2014 hingga 2017 adalah sebanyak 918. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah rumah urut yang terdapat didalam Negeri Selangor dan jumlah serbuan yang telah dilaksanakan dari tahun 2014 hingga 2017

PBT	JUMLAH RUMAH URUT	JUMLAH SERBUAN DARI THN 2014-2017
MBSA	80	19
MBPJ	53	189
MPK	57	281
MPAJ	30	68

PBT	JUMLAH RUMAH URUT	JUMLAH SERBUAN DARI THN 2014-2017
MPSJ	21	62
MPS	22	96
MPKJ	66	115
MPSP	1	9
MDKL	15	36
MDHS	10	0
MDKS	34	33
MDSB	14	10
JUMLAH	403	918

Nota: Sumber data daripada PBT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima dan jumlah pemberian Skim Mesra Usia Emas dari 2014-2017.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan proses pemberian wang kepada keluarga si mati lebih telus dan terjamin?

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima dan jumlah pemberian Skim Mesra Usia Emas dari 2014-2017.

	Jumlah Penerima Fasa 1	Jumlah Penerima Fasa 2	Jumlah RM Fasa 1	Jumlah RM Fasa 2	Jumlah keseluruhan (RM)
Jumlah Penerima & RM	42518	43229	42518000	64843500	107361500

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan proses pemberian wang kepada keluarga simati adalah telus dan terjamin. Penambahbaikan akan dilakukan dari masa ke semasa.
 - i. Sejak awal Kerajaan Negeri sudah mewujudkan satu sistem pengkalan data yang digunapakai oleh semua agensi terlibat, Dengan ujudnya pengkalan data ini, akan menjamin tiada pembayaran berganda berlaku dan kalau berlaku akan dapat dikesan dengan pantas.
 - ii. Skim SMUE menetapkan hanya warga emas yang berdaftar dan memenuhi syarat kelayakan di bawah Skim sahaja yang akan menerima pembayaran manfaat dari Skim mesra Usia Emas.
 - iii. Pihak YAWAS selaku agen promosi dan pelaksanaan juga sudah mewujudkan satu Manual Prosedur Operasi yang sentiasa dikemaskini sejak dari awal perlaksanaannya.
 - iv. Pihak YAWAS adalah bertanggungjawab menjaga proses kelulusan dan memasukkan nama ahli ke dalam sistem pengkalan data. Pembayaran

fasa 1 dan fasa 2 adalah oleh pihak yang berlainan maka dengan itu wujud elemen kawalan dalaman (*Internal Control*) melalui pengasingan tugas dan tanggungjawab. (*Segregation of duties and responsibilities*)

- v. Pemberian 2 peringkat dengan kerja sama pihak PKM dan PDT akan memastikan wujud elemen semak dan imbang (*Check and Balance*) bagi memastikan semua pembayaran fasa 1 oleh pihak PKM, adalah dibuat kepada pihak yang sah sahaja.
- vi. Pihak PKM diwajibkan membuat penghantaran buku tunai, laporan dokumen tertunggak dan penyata bank secara bulanan ke Pejabat Daerah dan Tanah bagi memudahkan pemantauan.
- vii. Pihak YAWAS akan sentiasa membuat pemantauan dan semakan bagi memastikan pengeluaran dan pembayaran oleh pihak PKM adalah seimbang.
- viii. Pihak Perbendaharaan Negeri telah mewujudkan mesyuarat pelarasan SMUE dengan pihak YAWAS dan Pejabat Daerah dan Tanah bagi memastikan semua isu dan permasalahan berkaitan SMUE dapat diselesaikan.
- ix. Pihak YAWAS juga sering sering mengadakan perjumpaan dengan pihak PKM bagi tujuan memberi taklimat serta menjelaskan sebarang isu berkaitan pelaksanaan SMUE.
- x. Selain dari itu pihak Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dalam menerima sebarang teguran dan cadangan penambahbaikan oleh mana-mana pihak bagi menjamin Skim berkenaan sentiasa telus dan terjamin.